



PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)

MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH

IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN

MODUL BAHASA MELAYU

BMM 3112

Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Perkamusan, dan Terjemahan



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA**

Berkuat kuasa pada Jun 2011

KANDUNGAN	MUKA SURAT
	i
Falsafah Pendidikan Kebangsaan Falsafah Pendidikan Guru	ii
Panduan Pelajar	iv
Pengenalan	v
Tajuk Pembelajaran	vii
<p>Falsafah Bahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hakikat Bahasa • Bahasa dan Pemikiran Melayu • Bahasa dan Budaya Melayu <p>Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Asal usul BM • Bahasa Melayu Kuno • Bahasa Melayu Klasik <p>Kajian Teks Bahasa Melayu Klasik dan Peralihan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan Bahasa dalam <i>Sejarah Melayu</i> versi Shellabear • Penggunaan Bahasa Melayu dalam <i>Hikayat Abdullah</i> 	
<p>Bahasa Melayu Pramerdeka dan Pascakolonial</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu dan Bidang Pelajaran, Politik dan 	

<p>Sosioekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu dan Kemerdekaan <p>Akta 152 Perlembagaan Persekutuan</p> <p>Pemodenan dan Perancangan Bahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peranan Organisasi dan Institusi Bahasa • Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka <p>Kerjasama Serantau dan</p> <p>Masa depan dan cabaran bahasa Melayu</p> <p>Bahasa Melayu dalam pendidikan, pentadbiran kerajaan, ekonomi negara, dll</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan • Pentadbiran kerajaan • Ekonomi negara, dll <p>Kedwibahasaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlunya menguasai bahasa lain di dunia selain daripada bahasa Melayu <p>Matematik, sains, dan teknologi dalam bahasa Inggeris</p> <ul style="list-style-type: none"> • Matematik, sains, dan teknologi dalam bahasa Inggeris <p>Kepesatan teknologi maklumat dan Komunikasi</p>	
<p>Sejarah dan Perkembangan Ejaan Rumi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemasukan Tulisan Rumi • Perkembangan Tulisan Rumi di Zaman British 	

<p>Susur Galur Perkembangan Penulisan Tatabahasa Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peringkat Perkembangan Tatabahasa Melayu • Tatabahasa Formal, Deskriptif, Notional • Tatabahasa Preskriptif • Tatabahasa Bebas Konteks dan Tatabahasa Fungsional <p>Aliran dan Tokoh Dalam Tatabahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tradisional: Marsden, Winsted, Za'ba, • Struktural: Asmah dan Abdullah • Tranformasi-Generatif: Farid M. Onn • Tatabahasa Dewan: Nik Safiah, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood 	
<p>Sejarah Ejaan Jawi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Pasai • Tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor <p>Tulisan Jawi di Batu Bersurat</p> <p>Isu Bahasa Terkini</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Ejaan Terkini • Bahasa Rojak • Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar <p>Korpus Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pangkalan Data 	

<ul style="list-style-type: none"> • Pengumpulan dan Pengelasan Kata • Kata dan Pengkomputeran 	
<p>Perkamusan</p> <p>Teori dan prinsip perkamusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Teori dan prinsip perkamusan • Kata entri / kata masukan • Kata standard dan variasi <p>Sebutan dan etimologi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebutan • Etimologi <p>8.3 Tanda dan kependekan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanda • Kependekan <p>Glosari</p> <p>8.3 Tanda dan kependekan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanda • Kependekan <p>Glosari</p> <p>Terjemahan dan kaedah terjemahan</p> <p>Konse perjemahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Definisi terjemahan • Matlamat terjemahan • Kesilapan-kesilapan dalam terjemahan • Kaedah proses terjemahan 	

- Kaedah Tradisional
- Kaedah Peniruan
- Kaedah Penggantian
- Kenterjemahan Dinamik
- Kaedah Transposisi
- Kaedah Modulasi ,persamaan

Teknik Terjemahan dan penterjemahan

Teknik menterjemah

- Secara terus
- Secara struktural
- Secara global

Menterjemah bahan autentik

- Bidang pendidikan, alam sekitar
- Bidang bahasa, agama
- Bidang pendidikan jasmani

Aktiviti terjemahan pelbagai bidang

- Sains dan matematik
- Teknologi maklumat dan komunikasi

PENGENALAN

Modul pembelajaran ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah sendiri ini. Modul pembelajaran ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

PEMBELAJARAN ARAH KENDIRI

Pembelajaran arah sendiri memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial. Anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat. Lampiran A menerangkan kepada anda makna-makna ikon tersebut.

Anda juga diperlukan untuk menyediakan tugas berdasarkan soalan yang akan diberikan oleh tutor anda. Hasilkanlah tugas yang berkualiti dengan merujuk pelbagai bahan bacaan yang sesuai.

SASARAN KURSUS

Pelajar Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian yang mendaftar dengan Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (IPG KPM) di bawah Program Pensiswazahan Guru (PPG).

JAM PEMBELAJARAN PELAJAR (JPP)

Berdasarkan standard IPG KPM yang memerlukan pelajar mengumpulkan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Anggaran peruntukan jam pembelajaran adalah seperti dalam Jadual 1:

Aktiviti-aktiviti Pembelajaran	Agihan Jam pembelajaran Mengikut Kredit Kursus					
	3 Kredit		2 Kredit		1 Kredit	
	Tanpa Amali (3+0)	Ada Amali (2+1) (1+2) (0+3)	Tanpa Amali (2+0)	Ada Amali (1+1) (0+2)	Tanpa Amali (1+0)	Ada Amali (0+1)
Membaca modul pembelajaran dan menyiapkan latihan / tugas terarah / amali	70	60	70	62	70	65
Menghadiri kelas interaksi bersemuka (5 kali)	10	10	5	5	5	5
Latihan Amali*	-	10	-	8	-	5
Perbincangan Atas Talian	7½	7½	5½	5½	5½	5½
Kerja Kursus	20	20	20	20	15	15
Ulangkaji	10	10	10	10	5	5
Amali/Peperiksaan	2½	2½	2½	2½	2½	2½
Jumlah Jam Pembelajaran	120		80		40	

* Latihan amali akan dijalankan pada hari Ahad atau melalui kursus intensif.

SUSUNAN TAJUK MODUL

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial. Anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

IKON

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat.

PEPERIKSAAN DAN PENTAKSIRAN

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

Soalan peperiksaan akan meliputi semua tajuk dalam modul pembelajaran dan juga perbincangan.

Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.
3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.

5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelajaran anda.



Pengenalan

Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Perkamusan, dan Terjemahan merupakan sebahagian daripada kursus dalam Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah.

Para pelajar akan mempelajari tajuk-tajuk berkenaan dalam modul ini yang meliputi semua tajuk-tajuk yang terdapat dalam pro forma kursus.

Sepanjang mengikuti modul ini, para pelajar akan melaksanakan latihan dan aktiviti bagi setiap tajuk dan diakhirnya pula para pelajar akan melaksanakan 2 latihan utama modul ini sebagai memenuhi aspek penilaian dalam proses pelengkap modul akses sendiri ini.

Panduan kepada pengguna

Kadangan modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan limabelas jam interaksi bersemuka. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul. (Agihan Tajuk Interaksi Bersemuka dan Modul Mengikut Kursus Proforma)

Bil	Tajuk/Topik	Interaksi Bersemuka (jam)	Modul (jam)	Jumlah Jam
1	<p>Falsafah Bahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hakikat Bahasa • Bahasa dan Pemikiran Melayu • Bahasa dan Budaya Melayu <p>Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Asal usul BM • Bahasa Melayu Kuno • Bahasa Melayu Klasik <p>Kajian Teks Bahasa Melayu Klasik dan Peralihan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan Bahasa dalam <i>Sejarah Melayu</i> versi Shellabear • Penggunaan Bahasa Melayu dalam <i>Hikayat Abdullah</i> 	2	7	9
2	<p>Bahasa Melayu Pramerdeka dan Pascakolonial</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu dan Bidang Pelajaran, Politik dan Sosioekonomi • Bahasa Melayu dan Kemerdekaan Akta 152 Perlembagaan Persekutuan <p>Pemodenan dan Perancangan Bahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peranan Organisasi dan Institusi Bahasa • Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka Kerjasama Serantau dan <p>Masa depan dan cabaran bahasa Melayu Bahasa Melayu dalam pendidikan, pentadbiran kerajaan, ekonomi negara, dll</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan • Pentadbiran kerajaan • Ekonomi negara, dll Kedwibahasaan • Perlunya menguasai bahasa lain di dunia selain daripada bahasa Melayu Matematik, sains, dan teknologi dalam bahasa Inggeris • Matematik, sains, dan teknologi dalam bahasa Inggeris Kepesatan teknologi maklumat dan Komunikasi 	2	7	9

3	<p>Sejarah dan Perkembangan Ejaan Rumi</p> <ul style="list-style-type: none"> • KemasukanTtulisan Rumi • Perkembangan Tulisan Rumi di Zaman British <p>Susur Galur Perkembangan Penulisan Tatabahasa Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peringkat Perkembangan Tatabahasa Melayu • Tatabahasa Formal, Deskriptif, Notional • Tatabahasa Preskriptif • Tatabahasa Bebas Konteks dan Tatabahasa Fungsional <p>Aliran dan Tokoh Dalam Tatabahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tradisional: Marsden, Winsted, Za'ba, • Struktural: Asmah dan Abdullah • Tranformasi-Generatif: Farid M. Onn • Tatabahasa Dewan: Nik Safiah, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood 	2	7	9
4	<p>Sejarah Ejaan Jawi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Pasai • Tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor <p>Tulisan Jawi di Batu Bersurat</p> <p>Isu Bahasa Terkini</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Ejaan Terkini • Bahasa Rojak • Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar <p>Korpus Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pangkalan Data • Pengumpulan dan Pengelasan Kata • Kata dan Pengkomputeran 	2	7	9
5	<p>Perkamusan</p> <p>Teori dan prinsip perkamusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Teori dan prinsip perkamusan • Kata entri / kata masukan • Kata standard dan variasi <p>Sebutan dan etimologi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebutan • Etimologi 	2	7	9

	<p>8.3 Tanda dan kependekan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanda • Kependekan <p>Glosari</p> <p>8.3 Tanda dan kependekan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanda • Kependekan <p>Glosari</p> <p>Terjemahan dan kaedah terjemahan</p> <p>Konsep perjemahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Definisi terjemahan • Matlamat terjemahan • Kesilapan-kesilapan dalam terjemahan • Kaedah proses terjemahan • Kaedah Tradisional • Kaedah Peniruan • Kaedah Penggantian • Kenterjemahan Dinamik • Kaedah Transposisi • Kaedah Modulasi ,persamaan • <p>Teknik Terjemahan dan penterjemahan</p> <p>Teknik menterjemah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Secara terus • Secara struktural • Secara global <p>Menterjemah bahan autentik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bidang pendidikan, alam sekitar • Bidang bahasa, agama • Bidang pendidikan jasmani <p>Aktiviti terjemahan pelbagai bidang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sains dan matematik • Teknologi maklumat dan komunikasi 			
	jumlah	10	35	45

TAJUK 1 : FALSAFAH BAHASA MELAYU

Sipnosis

Tajuk ini disusun untuk membolehkan pelajar mengetahui dan mendalami bahawa bahasa berbudaya tidak hanya dibatasi oleh pengertian umum tetapi merupakan sistem komunikasi, budaya, dan pemikiran yang sangat kompleks. Tajuk ini juga menjelaskan dalam bahasa falsafahnya, Bahasa Melayu telah dilengkapi aspek ontologinya, aspek epistemologi dan aksiologi.

1.1 APAKAH HAKIKAT BAHASA?

Bahasa ialah sekumpulan bunyi yang diucapkan oleh seseorang penutur. Bahasa juga merupakan alat yang mendukung dan menyampaikan sesuatu. Selain itu, bahasa adalah sebagai fenomena sosial yang menghubungkan antara individu atau kumpulan dalam masyarakat.

Apabila kita belajar sesuatu bahasa, apakah yang kita pelajari sebenarnya? Biasanya, orang menganggap bahawa mempelajari bahasa bererti mempelajari sistem nahunya, iaitu cara bahasa itu membentuk perkataan dan menyusun perkataan dalam bentuk ayat, selain mempelajari sistem fonologi, bunyi dan ejaan. Oleh sebab itu, banyak orang menganggap bahawa pakar bahasa ialah orang yang mahir tentang sistem nahu sesuatu bahasa.

Namun, jika seseorang pakar bahasa hanya menguasai sistem nahu dan tidak mengetahui fungsi sesuatu bahasa itu, sebenarnya dia belum mempunyai pengetahuan yang lengkap. Setiap perkataan atau ayat dalam bahasa bukan hanya merupakan struktur yang terpisah daripada alam makna, tetapi merupakan sistem komunikasi, budaya, dan pemikiran yang sangat kompleks. Inilah aspek bahasa yang menarik perhatian banyak pemikir bahasa dan bukan hanya pakar tatabahasa.

Golongan yang disebut sebagai ahli sosiolinguistik mengkaji fungsi sosial bahasa yang mengkaji bagaimana manusia tahu menggunakan bahasa yang betul dari segi adat berbahasa dengan dipengaruhi pelbagai variabel sosial dan budaya sesebuah masyarakat. Sebagai contoh, dalam budaya masyarakat

Melayu ada istilah yang disebut sebagai orang yang “tahu bahasa” dan “tidak tahu bahasa”.

Orang Melayu yang “tahu bahasa” bukan hanya bererti dia pandai tatabahasa Melayu; dia juga tahu “adat berbahasa”. Apabila dia berbual dengan orang yang lebih tua atau “berdarjat” dalam masyarakat, dia tidak akan menggunakan bahasa yang salah dari segi nilai budaya atau sosialnya.

Si anak misalnya, tidak akan menggunakan kata ganti nama seperti “aku”, “engkau”, “awak”, “kamu”, apatah lagi perkataan Inggeris *you* dan *I* apabila dia berbual-bual dengan ibu bapanya atau orang yang lebih tua. Si anak yang tahu adat bahasa menggunakan perkataan “saya”, “ayah”, “ibu”, atau “pak cik”, “mak cik” dan sebagainya. Ringkasnya, orang Melayu yang mengetahui bahasa, yakni tahu adat berbahasa tidak akan menggunakan kata-kata yang tidak sopan.

Ini adalah salah satu cara bagaimana kita dapat mengkaji budaya sesuatu bangsa berdasarkan bahasa yang mereka gunakan dalam pelbagai konteks perhubungan sosial. Pepatah Melayu ada menyatakan, “sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa”. Maksudnya, sebab menggunakan bahasa yang salah dari segi adatnya, bermacam-macam kesan buruk boleh berlaku kepada orang itu.

Bahasa juga merupakan satu set sistem pemikiran manusia. Aspek ini dikaji oleh golongan ahli psikolinguistik atau ahli linguistik kognitif. Mereka mengkaji hubungan antara sistem linguistik (tatabahasa) bahasa dengan cara manusia berfikir.

1.2 BAHASA DAN PEMIKIRAN MELAYU

1.2.1 Bahasa sebagai alat komunikasi

Pada sesetengah orang, bahasa hanyalah bahasa. Ianya berguna hanya sebagai perantara untuk berkomunikasi. Apa beza Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kedua-duanya mempunyai fungsi yang sama. Apa beza

Bahasa Arab berbanding bahasa Mandarin. Ianya juga sama, iaitu untuk menyampaikan maksud dalam berkomunikasi. Bahkan, menyampaikan ilmu atau proses pembelajaran dalam bahasa apapun adalah sama sahaja. Adakah kenyataan ini benar? Apakah bahasa itu sekadar bahasa semata-mata.

Dalam Bahasa Melayu sendiri pun terdapat banyak perkataan untuk mewakili sesuatu objek atau tindakan. Sebagai contoh, babi dan khinzir merupakan satu maksud yang sama. Namun menyebut babi dalam satu perbualan meninggalkan kesan emosi yang sangat berbeza berbanding menyebut khinzir. Begitu juga istilah isteri, bini dan orang rumah. Juga istilah perempuan, wanita dan betina. Maksud lateralnya sama, namun kesan emosinya berbeza.

1.2.2 Makna dalam Bahasa Berbeza

Itu senario yang berlaku dalam satu bahasa yang sama, apatah lagi jika diterjemahkan ke dalam bahasa yang lain. Justice dan keadilan, secara zahirnya sama, namun makna yang terkandung di sebalik pengertian justice bagi penutur Bahasa Inggeris dan keadilan bagi penutur Bahasa Melayu lain. Justice difahami sebagai kesamarataan, manakala adil ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Kasut kulit yang mahal tempatnya tetap di tapak kaki, berbanding kopiah yang murah tempatnya tetap di kepala. Menurut logik tentu sahaja yang lebih mahal letaknya di tempat yang lebih tinggi?

Asmah Hj Omar turut mengupas mengenai bahasa dan alam pemikiran Melayu. Beliau memulakan tinjauan berbahasa sejak dari alam kanak-kanak hinggalah kealam dewasa. Beliau juga membuat kajian tentang kaedah berbahasa dialek utara/ Kedah. Beliau memilih Kedah sebagai sample alam Melayu berdasarkan aktiviti ekonomi masyarakat kedah sebagai petani sawah dan nelayan. Aktiviti ekonomi utama orang Melayu Semenanjung secara umumnya ialah dua aktiviti ini ; petani sawah dan nelayan. Beliau menegaskan bahasa berkait rapat dengan aktiviti ekonomi.

Ahli-ahli fikir sejak dahulu kala telah menyedari hakikat adanya kaitan yang erat antara fikiran dan bahasa. Fikiran sebagai kandungan bahasa (content of language) dan bahasa sebagai wahana fikiran (vehicle of language).

Pemikiran yang asli ialah minda yang berupaya mencipta idea-idea asli, iaitu idea-idea yang belum pernah didengar atau dicipta sebelumnya dan disesuaikan dengan keadaan dan berguna kepada masyarakat.

Setiap bangsa memiliki pemikiran asli masing-masing tetapi pemikiran tersebut akan hilang apabila dikuasai oleh bahasa asing. Contoh: Pemikiran bangsa Melayu yang asli juga akan hilang apabila pemikiran itu dikuasai oleh Bahasa Inggeris. Apabila sesuatu pemikiran itu dilahirkan dalam bahasa asing, maka idea atau pemikiran itu diibaratkan menyambung idea bahasa tersebut dan tidak lagi asli. Bahasa Melayu harus digunakan oleh orang Melayu untuk melahirkan sebarang pemikiran baru.

Di Indonesia Bahasa Melayu telah dibuktikan dapat menyatupadukan rakyatnya. Pada asalnya ia merupakan satu daripada bahasa kumpulan peribumi yang terkecil. Bahasa ini dituturkan oleh suku kaum yang tinggal disepanjang Sungai Jambi di Sumatera, yang jumlahnya tidak lebih daripada dua ratus ribu orang. Bahasa Melayu telah ditukarkan namanya kepada Bahasa Indonesia. Seolah-olah ia memiliki kuasa sakti, bahasa kecil itu mampu menggenggam puluhan ribu pulau dan ribuan suku kaum menjadi satu kesatuan negara dan bangsa.

1.3 BAHASA DAN BUDAYA MELAYU

Istilah “Melayu” merujuk kepada suku bangsa yang berbahasa Melayu. Pengertian Melayu di Malaysia ialah menganut agama Islam, bertutur dalam Bahasa Melayu dan mengamalkan cara hidup Melayu. Bahasa adalah milik bersama sekumpulan individu, bukan kepunyaan seseorang individu Budaya atau kebudayaan merujuk kepada segala sistem yang wujud dalam sesuatu masyarakat, iaitu :

- sistem politik dan pemerintahan
- sistem perundangan
- sistem ekonomi
- sistem sosial
- sistem pendidikan
- sistem nilai,
- pemikiran dan lain-lain

Untuk kesemua nilai di atas bahasa menjadi perantaraannya.

Erti bahasa berbudaya tidak dibatasi oleh pengertian umum bahawa bahasa berbudaya ialah bahasa yang sarat dengan unsur-unsur stilistik seperti simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah atau dengan istilah stilistik Barat, bahasa yang dibumbui metafora, simile, personifikasi, depersonifikasi, hiperbola, anafora, rima, asonansi, aliterasi dan yang lain.

Meskipun penggunaan segala unsur stilistik itu memang menjadi salah satu tanda atau petunjuk bahasa berbudaya, namun erti bahasa berbudaya merujuk kepada konsep yang lebih luas. Asas sesuatu bahasa yang mencapai taraf bahasa berbudaya, antara lain, ialah kemampuannya berfungsi sebagai bahasa akhlah, bahasa ilmu, bahasa yang merentas segala ranah sistem sosial masyarakat atau bangsanya, bahasa tinggi, bahasa supra dan bahasa estetik. Ciri pertama bahasa berbudaya, iaitu bahasa akhlah berkaitan rapat dengan hakikat bahasa dan sebab-musabab bahasa dikurniakan oleh Allah kepada manusia. Secara fitrahnya, bahasa dan akal merupakan suatu sistem yang bertaut, yang menjadi sifat istimewa manusia.

Bahasa akhlah yang menjadi tanda bahasa berbudaya bagi bahasa Melayu meliputi segala aspek kehidupan, baik yang berhubungan dengan

ketuhanan mahupun yang berhubungan dengan kehidupan bermasyarakat. Dalam bahasa falsafahnya, bahasa Melayu telah dilengkapi aspek ontologinya, aspek epistemologinya dan aspek aksiologi. Ciri kedua bahasa berbudaya ialah keupayaannya menjadi bahasa ilmu. Syarat asas bahasa ilmu ialah pertama-tamanya kaya dengan ilmu dan keduanya, menjadi bahasa pengembangan ilmu dalam masyarakat atau bangsanya. Dalam bahasa falsafahnya, Bahasa Melayu telah dilengkapi aspek ontologinya, aspek epistemologi dan aksiologi.

Aktiviti

1. Bincangkan perkaitan bahasa dan alam pemikiran Melayu dalam kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri.
2. Jelaskan maksud "tahu berbahasa" dalam erti kata yang sebenarnya.

SINOPSIS

Tajuk 2 memaparkan fakta yang berkaitan asal usul Bahasa Melayu juga tentang membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada tiga tahap utama dan setiap tahap bahasa mempunyai sifatnya yang tersendiri misalnya bahasa Melayu kuno mempunyai pengaruh Sanskrit dan Hindu yang kuat, dan bahasa Melayu klasik terpengaruh dengan bahasa Arab dan Islam. Manakala bahasa Melayu moden lebih banyak dipengaruhi oleh penjajah Barat terutama sekali Inggeris

2.1 ASAL USUL BAHASA MELAYU

Untuk mengetahui asal usul Bahasa Melayu kita perlu mengetahui asal-usul penutur

aslinya terlebih dahulu, iaitu orang Melayu. Asal-usul bangsa Melayu sehingga kini

masih kabur. Akan tetapi beberapa sarjana Eropah seperti Hendrik Kern (Belanda) dan Robert von Heine Geldern (Austria) telah melakukan penyelidikan secara kasar latar belakang dan pergerakan masyarakat Melayu kuno. Teori mereka menyatakan bahawa bangsa Melayu berasal daripada kelompok Austronesia, iaitu kelompok manusia yang berasal dari daerah Yunan di China yang kemudiannya berhijrah dalam bentuk beberapa gelombang pergerakan manusia dan akhirnya menduduki wilayah Asia Tenggara. Gelombang pertama dikenali sebagai Melayu-Proto dan berlaku kira-kira 2500 tahun Sebelum Masehi



Kira-kira dalam tahun 1500 tahun Sebelum Masehi, datang pula gelombang kedua yang dikenali sebagai Melayu-Deutro. Mereka mendiami daerah-daerah yang subur di pinggir pantai dan tanah lembah Asia Tenggara. Kehadiran mereka ini menyebabkan orang-orang Melayu-Proto seperti orang-orang Jakun, Mahmeri, Jahut, Temuan, Biduanda dan beberapa kelompok kecil yang lain berpindah ke kawasan pedalaman. Justeru itu, Melayu-Deutro ini merupakan masyarakat Melayu yang ada pada masa kini. Bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia, manakala bahasabahasa

Austronesia ini berasal daripada keluarga bahasa Austris. Selain daripada rumpun bahasa Austronesia, rumpun bahasa Austro-Asia dan rumpun bahasa Tibet-Cina.

Rumpun bahasa Austronesia ini pula terbahagi kepada empat kelompok yang lebih kecil :

1. Bahasa-bahasa Kepulauan Melayu atau Bahasa Nusantara.
Contoh : bahasa Melayu, Aceh, Jawa, Sunda, Dayak, Tagalog, Solo, Roto, Sika dan lain-lain.
2. Bahasa-bahasa Polinesia -Contoh : bahasa Hawaii, Tonga, Maori, Haiti
3. Bahasa-bahasa Melanesia
Contoh : bahasa-bahasa di Kepulauan Fiji, Irian and Kepulaun Caledonia
4. Bahasa-bahasa Mikronesia

Contoh : bahasa-bahasa di Kepulauan Marianna, Marshall, Carolina dan Gilbert.



Bahasa Melayu tergolong dalam cabang Bahasa-bahasa Nusantara yang mempunyai bahasa yang paling banyak, iaitu kira-kira 200 hingga 300 bahasa. Bentuk Bahasa Melayu yang dituturkan di Kepulauan Melayu pada zaman dahulu dikenali sebagai Bahasa Melayu Kuno dan jauh berbeza dengan Bahasa Melayu yang moden. Bentuk Bahasa Melayu Kuno hanya dapat dilihat melalui kesan tinggalan sejarah seperti batu-batu bersurat. Batu-batu bersurat yang menggunakan Bahasa Melayu dipercayai ditulis bermula pada akhir abad ke-7. Sebanyak empat batu bersurat telah dijumpai yang mempunyai tarikh tersebut :

1. Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M) - Palembang
2. Batu Bersurat Talang Tuwo (684 M) – Palembang
3. Batu Bersurat Kota Kapur (686 M) – Pulau Bangka, Palembang
4. Batu Bersurat Karang Brahi (686 M) – Palembang

Berpandukan isinya, penulisan di batu bersurat tersebut dibuat atas arahan raja Srivijaya, sebuah kerajaan yang mempunyai empayar meliputi Sumatera, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, Segenting Kra dan Sri Lanka. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa Bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa rasmi dan bahasa pentadbiran kerajaan Srivijaya, sekaligus meluaskan penyebaran Bahasa Melayu ke tanah jajahan takluknya. Walaupun bahasa pada batu bersurat itu masih berbahasa Sanskrit, akan tetapi masih terdapat pengaruh Bahasa Melayu Kuno di dalamnya.

Istilah “Melayu” timbul buat pertama kali dalam tulisan Cina pada tahun 644 dan 645 Masehi. Tulisan ini menyebut mengenai orang “Mo-Lo-Yue” yang mengirinkan utusan ke Negeri China untuk mempersembahkan hasil-hasil bumi keada Raja China. Letaknya kerajaan “Mo-Lo-Yue” ini tidak dapat dipastikan dengan tegas. Ada yang mencatatkan di Semenanjung Tanah Melayu dan di Jambi, Sumatera. Selain daripada empat batu bersurat yang disebutkan tadi, terdapat juga bahan-bahan lain yang dihasilkan dalam zaman kerajaan Srivijaya pada abad ke-7 hingga ke-13 Masehi. :

1. Batu Bersurat Gandasuli (832 M) – Gandasuli, Jawa Tengah
2. Sebuah batu bersurat yang dijumpai di Bangkahulu bertarikh 1000 Masehi.
3. Sebuah patung gangsa yang dijumpai di Padang Lawas, Tapanuli bertarikh 1029 M dengan tulisan pada kaki alasnya
4. Sebuah patung di Padang Rocore, Batanghari bertarikh 1286 M dengan catatan perkataan “Malaya” atau “Melayu” pada bahagian belakangnya.

2.2 Pendapat-Pendapat tokoh pengkaji asal usul Bahasa Melayu

Ada beberapa pendapat mengenai asal usul [Bahasa Melayu](#). Salah satunya ialah Bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah. Teori ini disokong oleh beberapa ahli sejarah dan bahasa. Berikut merupakan kajian mereka.

2.2.1 R.H. Geldern

Beliau menemui kapak tua yang diperbuat daripada batu di sekitar hulu Sungai Brahmaputra, Irrawaddy, Salween, Yangtze, dan Hwang. Beliau juga menemui kapak yang mempunyai bentuk dan jenis yang sama di beberapa tempat di kawasan Nusantara. Geldern membuat kesimpulan kapak tua tersebut dibawa oleh orang Asia Tengah ke Kepulauan Melayu ini.

2.2.2 J.H.C Kern

J.H.C. Kern membuat kajian berdasarkan beberapa perkataan yang digunakan sehari-hari terutama nama tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan nama perahu. Beliau mendapati bahawa perkataan yang terdapat di Kepulauan Nusantara ini terdapat juga di Madagaskar, Filipina, Taiwan, dan beberapa buah pulau di Lautan Pasifik. Perkataan tersebut di antara lain ialah: padi, buluh, rotan, nyiur, pisang, pandan, dan ubi. Berdasarkan senarai perkataan yang dikajinya itu Kern berkesimpulan bahawa bahasa Melayu ini berasal daripada satu induk yang ada di Asia.

2.2.4 W. Marsden

W. Marsden mendapati bahawa bahasa Melayu dan bahasa Polinesia (bahasa yang digunakan di beberapa buah pulau yang terdapat di Lautan Pasifik) merupakan bahasa yang serumpun.

2.2.5 E. Aymoneir, A. Cabaton dan Hamy

E. Aymonier dan A. Cabaton pula mendapati bahawa bahasa Campa serumpun dengan bahasa Polinesia, manakala Hamy berpendapat bahawa bahasa Melayu dan bahasa Campa merupakan warisan daripada bahasa Melayu Kontinental.

2.2.6 W. Humboldt

W. Humboldt dalam kajiannya mendapati bahawa bahasa Melayu (terutama bahasa Jawa) telah banyak menyerap bahasa Sanskrit yang berasal dari India.

2.2.7 J.R. Foster

J.R. Foster berpendapat bahawa terdapat kesamaan pembentukan kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Polinesia. Beliau berpendapat bahawa kedua-dua bahasa ini berasal daripada bahasa yang lebih tua yang dinamainya Melayu Polinesia Purba.

2.2.8 Asmah Haji Omar

Asmah Haji Omar berpendapat bahawa perpindahan orang Melayu dari daratan Asia ke Nusantara ini tidaklah sekaligus dan juga tidak melalui satu laluan. Ada yang melalui daratan, iaitu Tanah Semenanjung, melalui Lautan Hindi dan ada pula yang melalui Lautan China. Namun, beliau menolak pendapat yang mengatakan bahawa pada mulanya asal bahasa mereka satu dan perbezaan yang berlaku kemudian adalah kerana faktor geografi dan komunikasi. Dengan demikian, anggapan bahawa bahasa Melayu Moden merupakan perkembangan daripada bahasa Melayu Klasik, bahasa Melayu Klasik berasal daripada bahasa Melayu Kuno dan bahasa Melayu Kuno itu asalnya daripada bahasa Melayu Purba merupakan anggapan yang keliru.

2.3 Sejarah Bahasa Melayu

Terdapat banyak pendapat mengenai asal usul bahasa Melayu. Ada yang berpendapat bahasa Melayu berasal daripada Asia Tengah, ada juga yang berpendapat bahasa Melayu sudah lama wujud di Kepulauan Melayu.

2.3.1 Bahasa Melayu berasal daripada Asia Tengah

Menurut beberapa ahli bahasa dan sejarah, Melayu Moden berasal daripada bahasa Melayu Klasik dan bahasa Melayu Klasik berasal daripada bahasa Melayu Induk. Bahasa Melayu Induk berasal daripada bahasa Melayu

Purba yang juga merupakan asal daripada bahasa Melayu Kuno. Ini bermakna bahasa Melayu Moden bukanlah merupakan pengembangan daripada dialek Johor-Riau dan bahasa Melayu Moden tidak begitu rapat hubungannya dengan dialek yang lain. Dialek yang lain berasal daripada Melayu Induk manakala dialek Johor-Riau berasal daripada Melayu Klasik.

2.3.2 Bahasa Melayu Berasal dari Kepulauan Melayu

Penemuan orang Jawa yang berusia ribuan tahun menunjukkan Kepulauan Melayu sudah dihuni manusia, dan bukannya berasal dari Asia Tengah seperti pendapat sesetengah ahli sejarah.

2.4 Perkembangan Bahasa Melayu

Kedatangan agama Hindu, Islam dan penjajah Eropah ke Asia Tenggara telah menyebabkan perbezaan yang ketara berlaku antara bahasa Melayu Kuno, bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden. Ini menyebabkan penutur bahasa Melayu Moden tidak mungkin dapat memahami bahasa Melayu dari zaman-zaman sebelumnya. Ahli bahasa membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada tiga tahap utama dan setiap tahap bahasa mempunyai sifatnya yang tersendiri misalnya bahasa Melayu kuno mempunyai pengaruh Sanskrit dan Hindu yang kuat, dan bahasa Melayu klasik terpengaruh dengan bahasa Arab dan Islam. Manakala bahasa Melayu moden lebih banyak dipengaruhi oleh penjajah Barat terutama sekali Inggeris

2.4.1 Pengaruh Bahasa Sanskrit

Bahasa Sanskrit telah banyak mempengaruhi bahasa Melayu apabila bahasa Melayu berada di peringkat kuno, iaitu pada peringkat sebelum bahasa Melayu mencapai zaman klasik pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang Bahasa Melayu telah mengalami zaman kuno antara abad ke-7 dan abad ke-13. Bukti pengaruh bahasa Sanskrit ke dalam bahasa kuno dapat dikesan di dalam batu bersurat yang ditinggalkan oleh kerajaan Srivijaya. Mengenai bukti bahasa Melayu kuno, terdapat empat batu bersurat yang penting, iaitu yang dijumpai:

1. di Kedukan Bukit, Palembang ([683](#) M)
2. di Talang Tuwo, Palembang ([684](#) M)
3. di Kota Kapur, Pulau Bngka ([686](#) M)
4. di Karang Brahi, Meringi, daerah hulu Jambi (686 M).

Selain itu sebagai faktor sampingan, faktor kemegahan juga faktor yang mendorong kepada peminjaman bahasa dari bahasa Sanskrit. Ini adalah kerana bahasa Sanskrit merupakan bahasa yang dianggap bahasa yang "tinggi-tinggi" pada zaman kuno. Penyerapan bahasa Sanskrit dalam bahasa seharian dijadikan satu cara perolehan kemegahan. Keadaan ini khususnya menyebabkan peminjaman perkataan yang sudah ada dalam bahasa Melayu asli, tetapi digantikan juga dengan bahasa Sanskrit, kerana barangkali dianggap lebih sesuai, lebih sedap bunyinya ataupun semata-mata kerana disangka lebih "tinggi" mutunya kerana bahasa Sanskrit merupakan bahasa sarjana.

Dalam bahasa Melayu,terdapat 677 perkataan yang berasal daripada bahasa Sanskrit. Berikut disenaraikan beberapa contoh perkataan Sanskrit yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu:

Bahasa Sanskrit	Bahasa Melayu
dosa	dosa
dukkha	duka
deva	dewa
rupa	rupa
samsara	sengsara

2.4.2 Bahasa Melayu Kuno

Bahasa Melayu Kuno mencapai kegemilangannya dari abad ke-7 hingga abad ke-13 pada zaman kerajaan Sriwijaya sebagai *lingua franca* dan bahasa pentadbiran. Mereka yang bertutur bahasa Melayu Kuno merangkumi Semenanjung Tanah Melayu (Kini Semenanjung Malaysia), Kepulauan Riau dan Sumatera. Bahasa Melayu Kuno diterima ramai kerana:

- Bersifat sederhana dan mudah menerima pengaruh luar.
- Tidak terikat kepada perbezaan susun lapis masyarakat
- Mempunyai sistem yang lebih mudah berbanding bahasa Jawa.

2.4.3 Pengaruh Sanskrit dan Hindu

Bahasa Melayu Kuno banyak dipengaruhi oleh sistem bahasa Sanskrit. Ini adalah kerana kebanyakan masyarakat Melayu ketika itu beragama Hindu dan Bahasa Sanskrit telah menjadi bahasa bangsawan dan mempunyai hierarki yang tinggi. Selain itu, sifat bahasa Melayu yang mudah dilentur mengikut keadaan juga antara penyebab bahasa asing seperti sanskrit diterima. Ini boleh dibuktikan daripada pengaruh tulisan atau aksara Pallava (Tulisan Pallava) dan Devanagari yang datang dari India, kata-kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, rangkai-rangkai kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, dan fonem-fonem Sanskrit. Kesan daripada bahasa sanskrit ini menyebabkan penambahan kosa kata Bahasa Melayu Kuno. Contoh contoh perkataan yang diambil daripada Bahasa Sanskrit adalah seperti *syukasyitta*, *athava*, *karana*, *tatakala* dan sebagainya. Bahasa Melayu Kuno tidak mempunyai pengaruh Parsi atau Arab.

Perkaitan antara **Bahasa Melayu Kuno** dan Bahasa Melayu Moden dapat dilihat daripada perkataan perkataan yang kekal daripada dahulu sehingga sekarang seperti *curi*, *makan*, *tanam*, *air* dan sebagainya, serta perkataan yang mempunyai bentuk atau format yang serupa seperti dalam jadual jadual di bawah:

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu
Vulan	bulan
Nasyik	asyik
Nayik	naik
Mangalap	mengambil
Mamava	membawa
Saribu	seribu
Dangan	dengan
Vanakna	banyaknya
Sukhacitta	sukacita
Ko	ke
Samvau	sampan
Datam	datang

Awalan ni- menjadi di-

Penggunaan awalan di- dalam Bahasa Melayu Moden sama dengan awalan ni- dalam Bahasa Melayu Kuno dan awalan diper- sama seperti nipar-.

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu
Nimakan	dimakan
Nimumna	diminumnya
Niparvuat	diperbuat

Awalan mar- menjadi ber-

Awalan ber- dalam Bahasa Melayu moden hampir sama dengan awalan mar- dalam Bahasa Melayu Kuno.

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu
Marvanum	berbangun
Marvuat	berbuat
Marlapas	berlepas

Akhiran -na menjadi -nya

Akhiran -na yang digunakan dalam Bahasa Melayu Kuno sama dengan -nya pada masa kini.

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu
Vinina	bininya
Vuahna	buahnya

Ringkasan

Secara ringkasnya berikut merupakan ciri ciri Bahasa Melayu Kuno

- Penuh dengan kata-kata pinjaman Sanskrit seperti *tatkala*, *air* dan sebagainya
- Bunyi b ialah w dalam Bahasa Melayu Kuno. Contohnya bulan ialah wulan
- Bunyi e pepet tidak wujud. Contoh: dengan - dngan atau dangan
- Awalan ber- ialah mar- dalam Bahasa Melayu Kuno (contoh: berlepas-marlapas)
- Awalan di- ialah ni- dalam Bahasa Melayu Kuno (Contoh: diperbuat - niparvuat)

- Ada bunyi konsonan yang diaspirasikan seperti bh, th, ph, dh, kh, h (Contoh: sukhatshitta)
- Huruf h hilang dalam bahasa moden (Contoh: semua - samuha; saya - sahaya)

2.5 Batu Bersurat dan Candi

Salah satu bukti sejarah bahasa Melayu yang penting ialah batu bersurat. Beberapa batu telah ditemui di sekitar Sumatera dan Jawa yang memperlihatkan penggunaan Bahasa Melayu kuno pada abad ke-7. Tulisan yang digunakan ialah aksara (*alphabet*) Pallawa iaitu sejenis tulisan yang berasal dari selatan India. Berikut adalah antara batu bersurat yang ditemui.

- Batu Bersurat Kedukan Bukit (Palembang), bertarikh 605 Tahun Saka, bersamaan dengan 683 M. Tulisan yang terdapat pada Batu Bersurat ini menggunakan huruf Palava.
- Batu Bersurat Talang Tuwo (Palembang), bertarikh 606 Tahun Saka, bersamaan dengan 684 M. Batu
- Batu Bersurat Kota Kapur (Bangka), bertarikh 608 Tahun Saka, bersamaan dengan 686 M.
- Batu Bersurat Karang Brahi (Jambi), bertarikh 614 Tahun Saka, bersamaan dengan 692 M.
- Batu bersurat di Gandasuli, Jawa Tengah (832 M) ditulis dalam huruf Nagiri.
- Batu Bersurat Pagar Ruyung (1356 M)

Pengaruh agama Hindu dan Buddha cukup kuat dalam bahasa dan budaya pada zaman bahasa Melayu kuno. Bahkan banyak candi yang dibina di Alam Melayu yang dipengaruhi oleh budaya Hindu dan Buddha dari India, seperti candi-candi di Lembah Bujang, Muara Takus dan Pagarruyung di Sumatera, dan candi Borobodur dan Prambanan di Pulau Jawa. Bahasa Melayu Kuno dan Kerajaan Melayu

Bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang diguna pakai dalam kerajaan Melayu kuno. Kerajaan-kerajaan Melayu kuno yang diketahui adalah ialah seperti contoh di bawah:

- Lembah Bujang
- Kerajaan Funan
- Srivijaya
- Kerajaan Angkor
- Majapahit
- Kedah Tua
- Melaka

2.5 Bahasa Melayu Klasik

Bahasa Melayu Kuno digantikan dengan **Bahasa Melayu Klasik**. Peralihan ini dikaitkan dengan kedatangan agama Islam yang ke Asia Tenggara pada abad ke-13.

2.5.1 Ciri- ciri Bahasa Melayu Klasik

Pengaruh Islam menjadi semakin kuat sehingga bahasa Melayu mengalami banyak perubahan dari segi kosa kata, struktur ayat dan tulisan. Ciri-ciri bahasa klasik ialah:

- Ayat yang panjang, berulang, dan berbelit-belit.
- Mempunyai banyak ayat pasif dan songsang
- Menggunakan bahasa istana
- Menggunakan kosa kata klasik spt. *ratna mutu manikam*, *edan kesmaran (mabuk asmara)*, *sahaya*, *masyghul* (bersedih)
- Banyak menggunakan perdu perkataan (kata pangkal ayat) spt. *sebermula*, *alkisah*, *hatta*, *adapun*.
- Banyak menggunakan partikel *pun* dan *lah*
- Menggunakan aksara jawi, iaitu aksara yang dipinjam daripada bahasa Arab yang telah ditambah dengan beberapa huruf tambahan.
- Telah menerima pelbagai jenis kosa kata Arab dan Parsi dalam pelbagai bidang bahasa seperti alam bidang ilmu keagamaan, undang-undang, kesusasteraan, pemerintahan dan pentadbiran, perubatan, falsafah, tasawuf dan kata-kata umum.
- Frasa dan ayat pengaruh Arab terutama dalam kitab-kitab klasik Melayu seperti frasa *ketahuilah olehmu* (dari terjemahan *I'lamL, maka kemudian daripada itu* (dari *Amma ba'du*); atau pada ayat *sunat berbuka atas tamar* dan lain-lain. Frasa dan ayat bentuk ini wujud hasil daripada terjemahan harfiah daripada teks-teks bahasa Arab.
- Unsur-unsur falsafah Islam wujud dalam banyak tulisan Melayu spt. dalam bid ilmu Kalam, Tasawuf, ilmu Aqa'id al-Iman dan lain-lain. Ini berbeza dengan bahasa Melayu zaman kuno atau Hindu.

2.6 Batu Bersurat

Bukti kegemilangan Bahasa Melayu Klasik boleh dilihat daripada tiga batu bersurat yang penting. Ketiga-tiga batu bersurat ini merupakan bukti catatan terakhir perkembangan bahasa Melayu kerana selepas abad ke-14, muncul kesusasteraan Melayu dalam bentuk tulisan.

- Batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu (22 February 1303^[1]) ditulis dalam tulisan Jawi. Ini membuktikan tulisan Arab telah digunakan dalam bahasa Melayu pada abad itu.

- Batu bersurat di Pagar Ruyung, Minangkabau (1356) ditulis dalam huruf India mengandung prosa melayu kuno dan beberapa baris sajakm Sanskrit. Bahasanya berbeza sedikit daripada bahasa batu bersurat abad ke-7.
- Batu bersurat di Minye Tujuh, Aceh (1380) masih memakai abjad India buat pertama kalinya terdapat penggunaan kata-kata Arab seperti kalimat nabi, Allah dan rahmat.

2.7 Zaman Kegemilangan

Zaman kegemilangan bahasa Melayu Klasik berlaku setelah pemimpin kerajaan Melayu memeluk Islam dan mempelajari bahasa Arab daripada pedagang Islam daripada Arab dan India. Ini menyebabkan penyerapan unsur unsur Arab dan Parsi dalam bahasa Melayu. Zaman ini boleh dibahagikan kepada tiga zaman penting iaitu:

- Zaman kerajaan Melaka
- Zaman kerajaan Aceh
- Zaman kerajaan Johor-Riau

2.8 Tokoh dan Hasil Karya

Antara tokoh-tokoh penulis yang penting dalam bahasa Melayu Klasik ialah Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumaterani, Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Abdul Rauf al-Singkel. Hasil karya yang terkenal pula ialah:

- Hikayat raja-raja pasai
- Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
- Hikayat Amir Hamzah
- Bustanus Salatin
- Sulalatus Salatin
- Sejarah Melayu
- Hikayat Iskandar Zulkarnain
- Hikayat Hang Tuah
- Misa Melayu
- Tajus Salatin

Aktiviti

- Bentuk kumpulan dan bentangkan kepada kelas tentang pengaruh Islam dalam pembentukan kata Bahasa Melayu Klasik . Tugas anda boleh dibincangkan dalam kumpulan serta pensyarah anda dan dibentangkan di hadapan kelas.
- **Selamat berbincang !**

SINOPSIS

Tajuk tiga membincangkan tentang aspek bahasa yang terdapat dalam teks terpilih Bahasa Melayu Klasik dan karya terpilih zaman peralihan. Antaranya ialah Sulalatus Salatin merupakan satu karya sejarah mengenai kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan zaman [Kesultanan Melayu Melaka](#) yang ditulis oleh beberapa orang pengarang yang berbeza. Turut dibicarakan juga penggunaan bahasa dalam hikayat Abdullah Munsyi. Dalam tajuk tiga ini juga dibicarakan biodata penulis teks sastera tersebut.

3.1 BIODATA W.G. SHELLABEAR

Nama penuh W.G.Shellabear ialah William Girdlestone Shellabear. Beliau dilahirkan pada 27 Ogos 1862 di England. Shellabear merupakan salah seorang penulis daripada 55 versi *Sejarah Melayu* yang telah diterbitkan.

Shellabear pertama kali datang ke tanah Melayu iaitu Singapura pada tahun 1877. Ketika itu beliau berusia 25 tahun. Beliau datang ke Singapura untuk bekerja sebagai Pegawai Jurutera diraja.

Beliau meninggal dunia semasa tidur pada 16 Januari 1947 di Hartford, Connecticut pada usia 84 tahun.

3.2 TEKS SEJARAH MELAYU

Nama asal teks Sejarah Melayu ialah **Sulalatus Salatin** merupakan satu karya sejarah mengenai kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan zaman [Kesultanan Melayu Melaka](#) yang ditulis oleh beberapa orang pengarang [Melayu](#). Dalam bahasa Inggeris, karya ini turut dikenali sebagai *The Malay Annals*. Sejarah Melayu ditulis di Melaka dan dibawa bersama semasa Sultan Mahmud Syah ketika berundur dari Melaka pada tahun 1511.

Naskah asal ini kemudian dibawa ke [Johor](#) dari [Kampar, Sumatera](#) pada tahun 1528. Teks yang turun masa kini merupakan teks yang disalin dan dipercayai berasal sejak tahun 1356, dan disunting semula pada 1612 oleh Tun Sri Lanang iaitu Bendahara Paduka Raja Johor.

3.3 ASPEK PENGGUNAAN BAHASA DALAM *SEJARAH MELAYU* VERSI SHELLABEAR

Aspek penggunaan bahasa dalam *Sejarah Melayu* versi W.G. Shellabear boleh dilihat daripada tiga aspek yang besar iaitu kosa kata, struktur ayat, serta sistem ejaan dan tulisan.

3.3.1 Kosa Kata

Kosa kata dalam teks *Sejarah Melayu* terdiri daripada kosa kata Bahasa Melayu klasik dan kosa kata pinjaman daripada bahasa Arab, Sanskrit, Indonesia dan Jawa. Contoh Kosa Kata Klasik adalah seperti berikut:

Bahasa Melayu Klasik	Bahasa Melayu Moden
a) Tunggul panji-panji	: tiang bendera
b) Ingar-ingar	: bising / hingar
c) Warta	: berita / khabar
d) Ulasan bantal	: sarung bantal
e) Lasykar	: askar / tentera

Kosa kata yang terdiri daripada kosa kata bahasa pinjaman adalah seperti berikut:-

- a) Pinjaman daripada bahasa Arab : dinar, fakir, hadrat, fana, anbiak
- b) Pinjaman daripada bahasa Jawa : sangat (amat/sangat)
- c) Indonesia : gumba (benjol pada dahi gajah).
Willis (biru kehijau-hijauan)
- d) Pinjaman daripada bahasa Sanskrit : Kalakian

3.3.2 Struktur Ayat

Apabila membincangkan struktur ayat dalam teks *Sejarah Melayu* ini, maka kita dapati karya ini banyak menggunakan ayat songsang atau dikenali sebagai pendepanan predikat. Contohnya dalam halaman 9,*Raja Gangga Syah Johan nama rajanya.*

Selain itu, unsur pengulangan kata dalam ayat juga banyak berlaku terutama pengulangan perkataan 'maka'. Contohnya pada halaman 3,*maka alahlah Raja Kida Hindi itu, oleh Raja Iskandar ditangkap baginda dengan hidupnya; maka disuruhnya membawa imam, maka Raja Kida Hindi pun membawa imamlah jadi Islam.*

Ayat-ayat di atas juga kabur maknanya kerana struktur ayatnya yang mengelirukan dan melanggar hukum tatabahasa moden. Contohnya pada halaman 3,.... *maka alahlah Raja Kida Hindi itu, oleh Raja Iskandar ditangkap baginda dengan hidupnya.* Ayat ini sebenarnya bermaksud Raja Kida Hinda mengaku kalah. Oleh itu, baginda telah ditangkap hidup-hidup oleh Raja Iskandar.

Karya ini banyak menggunakan ayat-ayat yang panjang dan meleret-leret. Ini dibukti melalui contoh ayat di bawah.

Syahdan, maka hairanlah hati Raja Iskandar melihat akan Putri Syahrul Bariyah, tiadalah dapat disifatkan bagi; dan pada keesokan harinya maka dipersalini oleh Raja Iskandar akan Tuan Puteri Syahrul Bariyah itu dengan selengkapnya pakaian kerajaan dan dianugerahinya harta, tiada terpermanai lagi banyaknya(hal. 6)

Penggunaan ayat-ayat yang panjang dan meleret-leret adakalanya mengelirukan dan menyebabkan pembaca sukar memahami maksud yang

hendak disampaikan dalam ayat. Tambahan pula struktur ayat juga tidak mengikut hukum tatabahasa yang kita pelajari pada hari ini. Oleh hal yang demikian, karya ini sukar difahami jalan ceritanya.

Selain itu, struktur ayat dalam karya ini juga banyak menggunakan ayat pasif yang menggunakan imbuhan ter- dan di-. Contohnya: *dititahkan, terpemanai*.

3.3.3 Penggunaan Perkataan

Dalam teks Sejarah Melayu ini, terdapat banyak penggunaan bahasa istana. Sesuai dengan jalan cerita teks ini yang mengisahkan tentang raja-raja dan salasilah keturunannya, maka penggunaan kata dalam karya ini banyak menggunakan bahasa istana seperti gering (sakit), gahara (keturunan raja yang tulen), andika (kekuasaan) dan gundik (perempuan raja yang tidak dikahwininya).

Selain daripada itu, dalam teks Sejarah Melayu ini juga banyak menggunakan kata pangkal ayat seperti arakian, hatta, sebermula, adapun dan syahdan. Perkataan ini semuanya adalah berasal daripada bahasa Melayu klasik.

Partikel atau kata penegas -lah dan -pun banyak digunakan dalam karya ini. Sesuai dengan jalan cerita teks yang berbentuk penceritaan maka penggunaan partikel -lah dan -pun memang terlalu banyak digunakan. Adakalanya, dirasakan wujudnya unsur lewah dalam penggunaan partikel ini dalam ayat. Pada ayat-ayat tertentu, adakalanya kata penegas atau partikel ini tidak perlu digunakan.

PENUTUP

Kesimpulannya, teks *Sejarah Melayu* merupakan satu bukti ketamadunan bangsa Melayu dalam bidang kesusasteraan. Usaha menjadikan karya ini yang sebagai teks sastera bagi pelajar tingkatan enam merupakan satu usaha yang bijak dan harus dipuji. Melalui cara ini, generasi baharu akan dapat mempelajari sastera klasik ini dan seterusnya karya ini akan menjadi khazanah bangsa untuk tatapan generasi akan datang.

3.2 PENGGUNAAN BAHASA DALAM HIKAYAT ABDULLAH

3.2.1 Biodata Abdullah Munsyi

Abdullah Munsyi atau nama sebenarnya Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dilahirkan pada pada Ogos 1796 di Kampung Pali, Melaka. Beliau berasal daripada keturunan India Muslim yang berdarah Arab. Abdullah memang seorang yang bijak dan gigih menimba ilmu sejak kecil lagi. Beliau amat meminati bidang bahasa dan mempelajari pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris.

Abdullah Munsyi telah dilantik menjadi jurutulis dan penterjemah kepada Stamford Raffles dan pegawai-pegawai Inggeris. Oleh sebab itu, beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan orang-orang Inggeris ketika itu. Hasil pergaulannya dengan orang Inggeris telah mempengaruhi pemikiran dan tindakannya.

Abdullah cuba membuka minda orang Melayu dengan membandingkan sikap mereka dengan orang-orang Inggeris melalui karya-karya. Namun kelantangan beliau dalam mengkritik kelemahan orang Melayu menyebabkan timbul rasa kurang senang banyak pihak. Beliau dianggap berat sebelah dalam memberikan pandangannya walaupun beliau mengkritik untuk tujuan kebaikan dan kemajuan.

Abdullah Munsyi meninggal dunia di Jeddah pada tahun 1854 semasa dalam perjalanan mengerjakan ibadah haji. Semasa hayatnya beliau telah menghasilkan beberapa karya yang terkenal seperti Syair Singapura Terbakar (1830), Kisah Pelayaran Abdullah, Hikayat Abdullah (1849), Dewa-ul-khulub (1883) dan Kisah Pelayaran Abdullah ke Judah (1920). Abdullah Munsyi telah digelar sebagai Bapa Kesusasteraan Moden kerana karya-karya beliau membawa tema, plot, latar cerita dan sudut pandangan yang berbeza berbanding karya-karya sastera sebelumnya.

3.3 Aspek Penggunaan Bahasa dalam Hikayat Abdullah

3.3.1 Jenis Aksara

Dalam Hikayat Abdullah, aksara yang digunakan masih mengekalkan ciri-ciri bahasa Melayu klasik iaitu menggunakan tulisan Jawi. Tulisan jawi meminjam aksara Arab. Walau bagaimanapun berlaku penambahan huruf seperti pa, nga, ga, nya, dan ca bagi menyesuaikan penggunaannya dengan kosa kata bahasa Melayu.

3.3.2 Sistem Ejaan

Sistem ejaan yang digunakan dalam Hikayat Abdullah mempunyai pengaruh tulisan Jawi dalam bahasa Melayu klasik. Namun begitu beliau tidak menggunakan tanda-tanda baris pada tulisannya.

Contoh:

- a. Cara penulisan lama : maka
- b. Cara penulisan Hikayat Abdullah : maka

3.3.3 Morfologi

Proses morfologi merupakan proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa. Ia meliputi penggolongan perkataan atau kata. Dalam penulisan karya Hikayat Abdullah, penggunaan imbuhan meN- dapat diperhatikan dengan jelas.

Contoh 1:

Maka jawabnya, “ Tuan, sahayalah cakap membawa jalan kepada susunan itu, akan tetapi tuan sekarang ada penuh kapal-kapal Inggeris pada segenap jajahan tanah Jawa itu menjaga, tiadalah boleh masuk dan keluar barang perahu atau kapal kecil; dan lagi pula Belanda itu pun terlalu keras kawalnya, serta dengan cemburunya.”(halaman 69)

Contoh 2:

Bermula maka adalah telah berpuluh-puluh kali aku ini disuruhkan oleh tuan-tuan itu memanggil dan mencari anak-anak Melayu, supaya boleh ia belajar dan mengetahui, membaca dan menulis, baik bahasa Melayu baik bahasa Inggeris, maka oleh sebab bodohnya dan sangka mereka itu nanti dimasukkan Inggeris, tiadalah ia mau datang, kerana fikiran mereka itu, dengan kekerasan nanti ditangkap dimasukkan Inggeris: maka beberapa kali sudah aku ingatkan akan mereka itu, serta memberitahu aku mereka itu, “Bahawa sekali-kali tiada Inggeris itu hendak memasukkan seseorang kedalam agamanya kalau yang empunya diri tiada suka; melainkan supaya kamu boleh belajar dan mengetahui bahasa kamu dan bahasa Inggeris kelak, nanti dibelakang banyak gunanya.” (Halaman 119)

3.3.4 Kosa Kata

Kosa kata yang digunakan dalam Hikayat Abdullah ialah kosa kata bahasa Melayu klasik yang banyak dipengaruhi bahasa Arab dan Parsi. Selain daripada itu, memandangkan Abdullah Munsyi seorang yang berpendidikan Inggeris maka banyak kosa kata Inggeris yang dicatatkan dalam karya ini.

Contoh kosa kata asli : maka, maka adalah, maka apabila,
beberapa, lamanya, akan dia

Contoh kosa kata Arab : khatib, syaaban, sayid:

Contoh kosa kata Inggeris : engineer, secretaries, goverment

3.3.5 Sintaksis

Daripada pemerhatian yang dibuat adakalanya Abdullah gemar menggunakan ayat yang panjang-panjang dan menyulitkan pembaca untuk memahaminya.

Contoh 1:

Maka jikalau sekiranya tiada suluh itu tanganku, dan cermin mata itu kupakai, nescaya banyak kali sudah aku terperosok ke dalam limbah dan parit yang penuh pada tiap-tiap lorong dan jalan; seperti kecuali kebanyakan kelakuan orang yang tiada memegang suluh itu terperosok ia kesana ke mari, jatuh bangun coreng-coreng berlumur dengan Lumpur dan orang, dan patah riuk kaki tangannya di hadapanku. (halaman 16)

Contoh 2:

Maka jawabnya, “ Tuan, sahayalah cakap membawa jalan kepada susunan itu, akan tetapi tuan sekarang ada penuh kapal-kapal Inggeris pada segenap jajahan tanah Jawa itu menjaga, tiadalah boleh masuk dan keluar barang perahu atau kapal kecil; dan lagi pula Belanda itu pun terlalu keras kawalnya, serta dengan cemburunya.” (halaman 69).

Ayat-ayat yang panjang begini mengganggu pemahaman pembaca kerana ada watunya pembaca terpaksa mengulangi pembacaan. Jelas dari segi bahasa (ayat) Abdullah masih lagi tidak membawa apa-apa pembaharuan.

Dalam Hikayat Abdullah, Abdullah Munsyi masih terikut-ikut struktur penulisan sastera lama. Begitu juga apabila dia menggunakan pantun dan syair dalam karyanya. Penggunaan perkataan hikayat itu sendiri

membayangkan bahawa Abdullah masih cenderung meneruskan tradisi penulisan lama.

3.3.6 Semantik

Secara umum dapat diperhatikan dalam karya Hikayat Abdullah maksud atau pun perkara yang disampaikan melalui makna tersurat. Makna tersurat yang dimaksudkan ialah makna yang diperolehi semata-mata daripada makna yang tertulis atau makna yang diujarkan sahaja. Dimana dalam penulisannya banyak menyatakan terus atau secara langsung apa yang hendak disampaikan kepada masyarakat Melayu ketika itu.

Contoh 1:

Bermula maka adalah telah berpuluh-puluh kali aku ini disuruhkan oleh tuan-tuan itu memanggil dan mencari anak-anak Melayu, supaya boleh ia belajar dan mengetahui membaca dan menulis, baik bahasa Melayu baik bahasa Inggeris, maka oleh sebab bodohnya dan sangka mereka itu nanti dimasukkan Inggeris, tiadalah ia mau datang, kerana fikiran mereka itu, dengan kekerasan nanti ditangkap dimasukkan Inggeris: maka beberapa kali sudah aku ingatkan akan mereka itu, serta memberitahu aku mereka itu, "Bahawa sekali-kali tiada Inggeris itu hendak memasukkan seseorang kedalam agamanya kalau yang empunya diri tiada suka; melainkan supaya kamu boleh belajar dan mengetahui bahasa kamu dan bahasa Inggeris kelak, nanti dibelakang banyak gunanya."

PENUTUP

Secara keseluruhannya dapat dijelaskan di sini bahawa karya Hikayat Abdullah ini merupakan karya kesusasteraan klasik moden. Karya ini lari daripada kebiasaan karya melayu klasik yang bertumpu kepada penceritaan tentang dunia raja-raja, hal-hal ghaib dan khayalan. Hikayat Abdullah lebih

menyentuh soal masyarakat, agama, moral, ekonomi dan politik. Karya ini menjadi salah satu karya sastra klasik yang mengisi ruang khazanah bangsa.

Aktiviti : Bincangkan aspek sistem ejaan dan sintaksis dalam karya Hikayat Abdullah.

SINOPSIS

Tajuk 4 membincangkan tentang Bahasa Melayu yang digunakan pramerdeka dan pascakolonial. Sistem Pendidikan Negara juga telah mengalami evolusi dan evolusi itu telah mewarnai dunia pendidikan negara. Tajuk 4 juga menjelaskan tentang **Perkara 152**, [Perlembagaan Malaysia](#) memperuntukkan bahasa kebangsaan di [Malaysia](#).

4.1 Bahasa Melayu Pramerdeka

Sistem Pendidikan Negara telah mengalami evolusi penting sejajar dengan pembangunan dan kemampuan negara. Evolusi pendidikan ini telah melalui lima fasa berikut:

- Zaman Pramerdeka (sebelum 1957);
- Zaman Pasca Merdeka (1957-1970);
- Zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990);
- Zaman Dasar Pembangunan Negara (1991-2000); dan
- Zaman Dasar Wawasan Negara (2001-hingga sekarang).

Semasa pentadbiran British, sekolah-sekolah di Tanah Melayu dipecahkan kepada empat aliran, iaitu Sekolah Inggeris, Sekolah Melayu, Sekolah Cina dan sekolah Tamil. Setiap sekolah mempunyai bahasa penghantarnya sendiri dan kurikulum yang berbeza di antara satu sama lain.

- Namun menjelang kemerdekaan, timbul kesedaran untuk mewujudkan satu sistem persekolahan. Beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji sistem persekolahan pada masa itu dan menghasilkan laporan-laporan berikut:
- Laporan Barnes (1951) – menyemak dan memperbaiki keadaan pendidikan kaum Melayu;
- Laporan Fenn-Wu (1951) – menyemak pendidikan kaum Cina;
- Ordinan Pelajaran (1952) – mengesyorkan sekolah kebangsaan sebagai corak sistem persekolahan kebangsaan; dan
- Laporan Razak (1956) – meletakkan asas bagi perkembangan sistem pendidikan untuk memupuk perpaduan melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan untuk semua, Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

utama serta kurikulum kebangsaan, sukatan pelajaran dan sistem peperiksaan yang sama bagi semua sekolah.

- Semangat untuk mengembangkan bahasa Melayu di Nusantara termuat dalam Sumpah Pemuda (1928) yang mendaulatkan bahasa Melayu/ bahasa Indonesia sebagai bahasa politik dan perjuangan. Perkembangan politik di Indonesia turut mempengaruhi Tanah Melayu dalam usaha mencapai kemerdekaan.
- Di Tanah Melayu Persatuan Penulis ASAS 50, pelajar-pelajar Sekolah Inggeris, pelajar-pelajar SITC, pelajar Timur Tengah meluahkan rasa tidak puas hati terhadap British.

Mari kita renungkan sejenak....

Mengapa persoalan bahasa terus dibincangkan sehingga kemuncaknya pada tahun 1955-1959 apabila wujudnya Laporan Razak (1956)?

Antara perkara penting dalam laporan tersebut ialah:

- ✓ Satu sukatan pelajaran yang sama
 - ✓ Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib.
- Pada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3 yang berlangsung pada 16-21 September 1956 bertempat di Johor Bahru dan Singapura telah bersetuju menubuhkan Balai Pustaka yang kemudiannya dikenali sebagai Dewan Bahasa dan Pustaka.

4.2 Zaman Pasca Merdeka

Sebaik mencapai kemerdekaan, usaha ditumpukan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan. Sehubungan itu, Ordinan Pelajaran 1957 digubal berdasarkan perakuan Laporan Razak (1956) yang mengutamakan perpaduan dan menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan. Perakuan Laporan Razak dikaji semula oleh Jawatankuasa Rahman Talib pada tahun 1960. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961 yang menggariskan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pada semua peringkat pendidikan serta penggunaan kurikulum dan peperiksaan yang sama untuk semua pelajar.

- Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara.
- Perlaksanaan Laporan Razak untuk mendaulatkan bahasa Melayu.
- Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipindahkan ke Kuala Lumpur.

- Menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan 1970, istilah bahasa Melayu telah ditukar kepada bahasa Malaysia untuk menimbulkan semangat kekitaan di kalangan rakyat. Selepas pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) istilah ini ditukar pula kepada bahasa Melayu.

4.3 Bahasa Melayu Dalam Sosiobudaya

- Sebagai bahasa perpaduan
- Bahasa Melayu sebagai alat untuk menghubungkan penutur dari pelbagai bangsa dan berupaya menyatupadukan bangsa (Bangsa Malaysia)
- Bahasa Melayu menjadi alat untuk mengawal dan mewarnakan kepercayaan dan norma-norma masyarakat kepada generasi yang akan datang.
- Bahasa Melayu menyerlahkan lambang inspirasi dan semangat kebangsaan dan kemerdekaan.

4.4 Bahasa Melayu Dalam politik

Awal abad ke 20 semangat kebangsaan bergema dan orang Melayu mengorak langkah memperjuangkan Bahasa Melayu serentak dengan perjuangan politik membebaskan tanah air daripada penjajah.

4.5 Bahasa Melayu dan Kemerdekaan

- Selepas Malaysia merdeka, satu dasar telah dibentuk bagi memantapkan hal tuju dan falsafah pendidikan yang sedia ada.
- Ordinan Pelajaran 1957 telah dibentuk yang mencakupi peraturan-peraturan pelajaran.
- Perancangan pendidikan dirangka untuk meliputi semua kaum dalam masyarakat Malaya serta meliputi semua aspek struktur dan perkembangan pendidikan Malaya.
- Pada tahun 1960 Laporan Rahman Talib dirangka yang mencadangkan supaya Bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib selain Bahasa Inggeris.
- Bahasa Melayu mesti diajar dari darjah satu di semua jenis sekolah rendah dan syarat lulus dalam Bahasa Melayu bagi calon-calon ke sekolah menengah, dan pusat latihan guru.

- Cadangannya juga termasuk pemberian insentif kepada guru-guru supaya mendapat kelulusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kesimpulan

Hala tuju pendidikan era ini bercorak kepada penyatuan semua kaum melalui pengenalan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib bagi memudahkan interaksi antara kaum. Falsafah pendidikan juga bersifat sama rata tanpa menyisihkan kaum, darjat, dan agama memangkinkan lagi perkembangan pendidikan di Malaysia. Era ini menunjukkan anjakan paradigma yang proaktif dalam sistem pendidikan negara.

4.6 AKTA 152 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

- **Perkara 152**, [Perlembagaan Malaysia](#) memperuntukkan bahasa kebangsaan di [Malaysia](#) ialah [bahasa Melayu](#). Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan sekalipun dengan menggunakan dana awam.
- Kewujudan Perkara 152 tidak boleh dipadam kerana [Perkara 159\(5\)](#) menetapkan bahawa perkenan [Majlis Raja-Raja](#) diperlukan sekiranya ia hendak dipinda
- Perkara 152. Bahasa kebangsaan.
- (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen: Dengan syarat bahawa—
- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.
- (2) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain.

- (3) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, teks sah—
- (a) segala Rang Undang-Undang yang hendak dibawa atau pindaan kepadanya yang hendak dicadangkan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen; dan
- (b) segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.
- (4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris:
- Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.
- (5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.
- (6) Dalam Perkara ini, "maksud rasmi" ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

SINOPSIS

Tajuk 5 membincangkan tentang peranan organisasi dan institusi dalam mendaulatkan bahasa Melayu melalui bidang penulisan. Meninjau tentang penubuhan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) sebagai institusi bahasa yang berwibawa di Malaysia sentiasa produktif dalam mengembangkan dan mencitrakan B.Melayu di peringkat ASEAN & peringkat antarabangsa.

5.1 PERANAN ORGANISASI DAN INSTITUSI

5.1.1 Jabatan Karang Mengarang MPSI (1924)

- ✓ Berfungsi menerbitkan bahan bacaan bagi murid sekolah dan para guru.
- ✓ Tokoh penting terlibat dalam pengendalian Pejabat Karang Mengarang ialah Pendeta Za'ba.
- ✓ Za'ba juga bertanggungjawab mengembangkan fungsi Pejabat Karang Mengarang dalam bidang penulisan, penterjemahan dan penerbitan.
- ✓ Antara hasil terjemahan Pejabat karang Mengarang ialah *Robinson Crusoe*, *Mengembara ke Pusat Bumi* dan sebagainya.
- ✓ MPSI telah berjaya melahirkan tokoh penulis seperti Buyong Adil, Harun Aminurrashid, Pungguk atau Bakhtiar.
- ✓ MPSI juga telah melahirkan tokoh nasionalis seperti Ibrahim Yaakob, Karim Rashid dan lain-lain.
- ✓ Antara buku terkenal terdapat di MPSI ialah *Salah Asuhan*, *Kerana Mentua* dan *Perawan di sarang Penyamun* (1928).

5.1.2 Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50)

- ✓ Telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1950
- ✓ Berjuang mendaulatkan bahasa Melayu di samping matlamat asas berjuang untuk kemerdekaan melalui bidang penulisan.
- ✓ Tujuan berkarya adalah untuk masyarakat atau "seni untuk masyarakat".
- ✓ Telah menerbitkan **Memoranda Angkatan sasterawan 50** terkandung artikel mengenai sikap, pandangan, pendapat dan syor penulis-penulis ASAS 50 mengenai bahasa kesusasteraan dan kebudayaan Melayu.
- ✓ Dalam bidang bahasa ASAS 50 mengadakan pembaharuan dengan memaju dan membaiki bahasa Melayu dalam sastera.
- ✓ Selain itu, mengubah, mencipta, membaharui dan membina perkataan untuk memperkaya bahasa.
- ✓ Tokoh-tokoh terkenal yang menganggotai ASAS 50 ialah Keris Mas (Kamaluddin Muhammad), A. Samad Ismail, Usman Awang (Tongkat Warrant), Asraf dan lain-lain.

5.2 PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

5.2.1 Pendahuluan

DBP ditubuhkan di Johor Bahru pada 22 Jun 1956 hasil resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3 pada tahun 1956. DBP mula beroperasi pada bulan Oktober 1956, iaitu di tengah-tengah suasana dan semangat menyambut kemerdekaan tanah air. Dari situlah, DBP mengatur langkah pertamanya untuk menjalankan tugasnya yang amat penting, iaitu mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang akan merdeka.

5.2.2 Objektif Penubuhan

Objektif DBP yang tercatat dalam Akta 213, Akta DBP (semakan tahun 1978, pindaan dan peluasan 1995) adalah seperti yang berikut:

- Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.
- Memperkembang bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan.
- Mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku-buku, majalah-majalah, risalah-risalah dan lain-lain bentuk kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain.
- Membakukan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.
- Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.
- Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

5.2.3 Kerjasama Serantau dan Pengantarabangsaan

- Penubuhan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) pada tahun 1972 memulakan era baru dalam kerjasama kebahasaan di rantau ini.
- Dengan penyertaan negara Brunei Darussalam dalam kerjasama ini, MBIM diperluas menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam- Indonesia-Malaysia (MABBIM) pada tahun 1985.
- Singapura juga sering mengikut sidang MBIM dan MABBIM sejak tahun 1983 sebagai pemerhati

- Kerjasama ini telah menghasilkan penyeragaman pedoman ejaan dan transliterasi, penyeragaman pedoman pembentukan istilah, di samping penyeragaman istilah-istilah ilmu pengajian tinggi dan profesional.
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu merupakan hasil yang penting daripada kerjasama tersebut yang telah banyak membentuk kerja-kerja peristilahan
- Setelah hampir 25 tahun penubuhannya, MBIM/MABBIM berjaya memperlihatkan hasil kebahasaan yang semakin mantap dimasyarakatkan di ketiga-tiga buah negara
- Sejumlah 164049 istilah dalam pelbagai bidang/subbidang ilmu telah berhasil disepakati. Selain itu, sebanyak 40 buah kamus istilah dapat diterbitkan dalam tempoh dari tahun 1986-2002 dan beberapa buah kamus yang lain sedang diusahakan.
- Antara hasil kerja peristilahan berbentuk penerbitan sepanjang dua dekad yang lalu termasuklah:
 - (i) Pedoman dan Daftar (enam judul);
 - (ii) Kamus Istilah (empat puluh judul);
 - (iii) Prosiding Seminar Kebahasaan (tiga keluaran);
 - (iv) Jurnal Serantau (tiga keluaran);
 - (v) Terbitan Khas: Persidangan dan Keputusan 1972-1992; Ke Arah Pembentukan Istilah yang Sempurna; General Guidelines for the Formation of Terms in Malay; General Terminological Cictionaries; dan MABBIM Wahana Kebahasaan Serantau yang Akrab, Mantap dan Berwibawa.
- Sehingga tahun 2002, iaitu sepanjang hampir 46 tahun, DBP telah berjaya menyebarkan sebanyak 752988 istilah menerusi penerbitan dalam pelbagai bidang dan kerja penciptaan istilah terus dijalankan.
- Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu(PABM) Piala Perdana Menteri 2012.
- Pertandingan yang diadakan melibatkan 32 buah negara antaranya Arab Saudi, China, Iran dan Jepun dll. Program Inap desa kepada peserta juga memberi peluang kepada peserta melihat lebih dekat cara hidup orang Melayu.

5.3 Kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Peringkat Pengantarabangsaan

DBP sebagai institusi bahasa yang berwibawa di Malaysia sentiasa produktif dalam mengembangkan dan mencitrakan B.Melayu di peringkat ASEAN & peringkat antarabangsa. Justeru, MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darul Salam- Indonesia- Malaysia) ditubuhkan pada 21 tahun yang lalu telah menjadi tapak kepada kerjasama pada peringkat ASEAN, khususnya dalam penyelarasan peristilahan Malaysia, Indonesia dan Brunei Darul Salam.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh DBP untuk merangka hala tuju pengantarabangsaan Bahasa Melayu ialah:

- ✓ Mengadakan Kongress Bahasa Melayu Sedunia dari 21/6-25/8/1996.
- ✓ Mengusulkan penubuhan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM)
- ✓ Penubuhan pusat mata pelajaran bahasa Melayu di luar negara.
- ✓ Meneruskan dan meningkatkan pusat bahasa dan pengajian Melayu diluar negara.
- ✓ Memperkenalkan dan menggalakkan pengajaran bahasa Melayu di luar negara.

Selain itu, DBP mengadakan kerjasama bahasa dengan pelbagai institusi di peringkat antarabangsa iaitu dengan mengadakan dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama beberapa institusi; di antaranya

- ✓ Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU), Beijing.
- ✓ Pusat Penyelidikan Sejarah, Seni dan Kebudayaan Islam (IRCICA) Istanbul
- ✓ Prince of Songkhla University, Patanni
- ✓ Institut Kajian Asia Tenggara (ISAC), Hanoi

Seterusnya, DBP juga telah mengadakan kerjasama kebahasaan, kesusasteraan dan penerbitan peringkat antarabangsa dengan institusi dan negara seperti berikut:

- ✓ Goethe Institute, Jerman;
- ✓ British Library, London; World Book Internasional. Chicago;
- ✓ The Australian National University, Australia.
- ✓ China Radio Internasional (CRI), Beijing.

Mari kita sama-sama fikirkan...

Apakah benar dengan mengadakan dan menandatangani memorandum persefahaman serta kerjasama kebahasaan, kesusasteraan dan penerbitan, dengan pelbagai institusi luar negara, maka Malaysia kini telah melangkah ke satu lagi era pemantapan diaspora dan pengantarabangsaan bahasa Melayu ke seantara dunia.

Sipnosis

Tajuk ini disusun untuk membolehkan pelajar meninjau mengenai masa depan dan cabaran bahasa Melayu khususnya dalam bidang pendidikan, pentadbiran kerejaan dan ekonomi negara. Selain itu pelajar juga akan didedahkan dengan aspek kedwibahasaan dengan mengetahui kepentingan untuk menguasai bahasa lain di dunia selain daripada bahasa Melayu. Dalam tajuk ini juga isu-isu berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran matematik, sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris turut dikupas selain membincangkan kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi berkaitan bahasa Melayu.

Pengenalan

Bahasa Melayu sebagai pengantar ilmu mula-mula disarankan dalam Laporan Razak 1956 dan kemudian diperkukuh dalam Laporan Abdul Rahman Talib 1960. Terbukti kini bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu apabila digunakan sepenuhnya di institut pengajian tinggi awam di Malaysia. Apakah dengan pencapaian tersebut mencerminkan masa depan yang gemilang bagi bahasa Melayu? Jawapannya mungkin ya atau mungkin tidak, bergantung kepada persepsi individu yang melihat persoalan ini.

Peningkatan ilmu dan profesionalisme dalam sesuatu bidang itu haruslah seiring dengan peningkatan ketrampilan wahana itu sendiri, yakni bahasa. Banyak orang berfikir bahasa itu jatuhnya di tempat kedua dan pertamanya ilmu itu. Persepsi ini perlu diubah. Bahasa itu juga satu ilmu dan sejarah membuktikan banyak ahli yang melahirkan pemikiran dan ciptaan baru menguasai ilmu dan bahasa sebagai satu entiti yang terpadu. Kita sebenarnya memiliki bahasa yang berkembang dan dinamis dalam menghadapi apa juga cabaran yang bakal datang. Seharusnya tidak timbul lagi

krisis kepercayaan terhadap bahasa Melayu. Perbincangan topik ini akan menumpukan kepada persoalan cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu, iaitu: kewujudan masyarakat yang dwibahasa; bahasa Melayu dan Dasar Pendidikan Negara; bahasa Melayu dalam teknologi maklumat dan komunikasi; dan akhirnya bahasa Melayu dalam era globalisasi.

Bahasa Melayu dalam Pendidikan

Dasar bahasa pendidikan ialah dasar yang dipegang dalam menggunakan bahasa sebagai bahasa pengantar di sekolah. Dasar bahasa am ialah dasar yang secara tidak rasmi diterima oleh kerajaan mengenai penggunaan bahasa dalam perdagangan, perhubungan rakyat dan dalam hubungan dengan orang-orang luar, badan-badan atau negara-negara luar (Asmah,1985:23). Prinsip asas pembuatan keputusan masih berfokuskan kepada pembinaan bangsa. Apa-apa pun yang diputuskan di peringkat kerajaan, termasuklah bahasa, memberikan kesan kepada perkembangan pembinaan bangsa. Dalam hal ini, sekiranya tidak ada apa-apa polisi juga merupakan satu polisi kerajaan itu sendiri. Kerajaan haruslah memberikan perhatian kepada bahasa. Bahasa merupakan komponen yang penting dalam mendefinisikan identiti atau jati diri bangsa. Malah kita dapati banyak negara-negara bekas Kesatuan Soviet berusaha untuk mengekalkan bahasa ibunda mereka bagi menjaga kepentingan hak minoriti.

Bahasa juga merupakan konsep yang penting bagi menjaga kepentingan masyarakat asli. Perjanjian Rom memberikan hak kepada orang-orang Eropah bertutur dalam bahasa ibunda dalam urusan seharian mereka. Perancangan taraf bahasa Melayu telah memberikan tiga aspek penting kepada bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa pendidikan. Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan menyediakan ruang yang cukup luas untuk bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa ilmu. Sebagai bahasa ilmu, dua ciri penting yang perlu ada ialah keintelektualan dan kesempurnaan. Bahasa Melayu mempunyai kedua-dua ciri tersebut dan hakikatnya bahasa Melayu

berada pada landasan yang tepat menuju kesempurnaan sebagai bahasa ilmu moden. Ini bersesuaian dengan ketetapan yang diisytiharkan oleh UNESCO berkaitan dengan perancangan bahasa dalam dasar pendidikan masyarakat yang multi bahasa. Persidangan Antarabangsa UNESCO ke-31 pada Oktober 2001 telah mengisytiharkan satu deklarasi prinsip yang harus dipatuhi oleh anggotaanggotanya, iaitu:

- (a) Menyokong pengajaran dalam bahasa ibunda sebagai kaedah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dengan membina pengetahuan pelajar dan pengajar.
- (b) Menyokong pengajaran dalam dwibahasa atau multibahasa pada semua tahap pendidikan sebagai satu kaedah untuk meningkatkan kualiti social dan persamaan jantina dan unsur penting bagi masyarakat yang pelbagai linguistik.
- (c) Menyokong bahasa sebagai komponen penting dalam pendidikan antara budaya dalam usaha untuk menggalakkan pemahaman antara kumpulan populasi yang pelbagai bangsa serta menghormati hak-hak fundamental.

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara Malaysia telah dipertahankan dan diperkembang berdasarkan pelbagai akta dan laporan semula bermula dengan Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran (1961), Akta Bahasa Kebangsaan (1963), Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran (1979) dan Akta Pendidikan (1996). Jawatankuasa Pelajaran Razak merupakan jawatankuasa pendidikan pertama yang dibentuk sesudah negara mencapai taraf kerajaan sendiri pada tahun 1956. Gagasan pendidikan kebangsaan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut berteraskan matlamat perpaduan, dengan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Penyata Razak (1956: Perenggan 2 mengatakan bahawa %usaha menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar (utama) walaupun

perkara ini tidak dapat dilaksanakan serta merta melainkan dengan beransur-ansur.

Perincian dan penegasan gagasan pendidikan kebangsaan itu dimantapkan oleh Jawatankuasa Penyemak Pelajaran Rahman Talib (1960). Oleh itu jelaslah bahawa selepas kemerdekaan, bahasa Melayu telah tumbuh dan berkembang dengan pesat seiring dengan pencapaian dalam pembangunan negara khususnya sektor pendidikan. Isunya ialah perubahan dalam dasar pendidikan negara jugalah yang nampaknya „melupakan% hasrat murni dalam Penyata Razak tersebut telah mencorakkan pemikiran masyarakat kita hari ini yang „terlebih sudu daripada kuah% dalam mengutamakan bahasa Inggeris. Laporan Razak mengatakan bahawa bahasa Inggeris ialah bahasa kedua yang wajib diajarkan di sekolah. Kini, permasalahannya ialah dasar tersebut nampaknya sudah mengalami perubahan apabila bahasa Inggeris bukanlah lagi bahasa kedua malah bahasa utama bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Perubahan ini melibatkan satu generasi yang bakal membina sebuah tamadun pada masa akan datang. Penerimaan dasar ini sering dipertikaikan dan memperlihatkan kesan langsung perubahan dasar ini untuk direnung bersama-sama oleh masyarakat umum, dan khususnya mereka yang terlibat dalam membuat keputusan danyang melaksanakannya.

Akta Pendidikan (1996) digunakan untuk menentukan dasar, hala tuju dan garis panduan bagi mengawasi perkembangan pendidikan awam yang berfungsi sebagai pelaburan sosial tetapi berbeza dalam pendidikan swasta dilihat sebagai pelaburan pendidikan. Hashim Musa (1996) mengatakan bahawa cabaran yang paling serius terhadap bahasa Melayu ialah penubuhan kolej swasta dan separuh swasta dan institusi pengajian tinggi awam yang semuanya bergerak ke arah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dasar pendidikan negara seharusnya menekankan secara menyeluruh dan bersepadu terhadap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Walaupun Akta Pendidikan Tinggi Swasta (1996) mengatakan bahawa semua IPTS di negara ini hendaklah menggunakan

bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tetapi ini bukan jaminan utuh bagi pemeraksanaan bahasa Melayu. Akta yang sama juga memberikan kuasa kepada Menteri Pendidikan Tinggi untuk membenarkan IPTS menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utamanya.

Penyata Razak (1956) menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Cadangan untuk mengetepikan pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah swasta tidak harus diterima. Sistem pendidikan kebangsaan berhasrat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang multibahasa ke dalam satu kelompok melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan haruslah diteruskan. Lebih mencabar lagi apabila perbadanan gergasi seperti PETRONAS, Syarikat Telekom Bhd., dan Tenaga Nasional masing-masing menubuhkan Universiti PETRONAS, Universiti Multimedia Malaysia (MMU) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Kesemua universiti ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Sikap membelakangkan bahasa Melayu ini seolah-olah dimaafkan demi kepentingan negara agar berada sama taraf dengan negaranegara barat dalam era globalisasi. Kita tidak seharusnya meminggirkan bahasa Melayu dalam usaha memartabatkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dunia. Negara Jepun dan Cina masih lagi terkehadapan di Asia sebagai pusat pendidikan dunia walaupun bahasa utamanya ialah bahasa ibunda mereka.

Kedwibahasaan

Kedwibahasaan berlaku dalam kalangan masyarakat yang menggunakan banyak bahasa. Kedwibahasaan atau bilingualisme ialah penguasaan dua bahasa seperti penutur bahasa asli. Penggunaannya menggunakannya sebagai bahasa komunikasi, yakni menggunakan satu bahasa rasmi untuk berkomunikasi, dan bahasa ibunda untuk hubungan lain misalnya orang Cina dan India yang menggunakan bahasa Melayu untuk komunikasi rasmi tetapi bahasa ibunda di rumah. Kedwibahasaan yang sempurna ialah penguasaan sepenuhnya dua bahasa oleh penutur.

Kedwibahasaan sepenuhnya jarang berlaku kerana jarang sekali seseorang individu dapat menguasai lebih dari satu bahasa dengan baik. Terdapat negara yang mempunyai dua bahasa atau lebih (bilingual atau multilingual) sebagai bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan. Negara Kanada dan Belgium misalnya mengamalkan bilingual, manakala Switzerland pula mengamalkan multilingual. Sesebuah negara itu tidak dapat dikatakan bilingual kecuali sebahagian besar daripada rakyatnya bertutur dalam dwibahasa.

Menurut Mario Pei, kedwibahasaan ialah kualiti atau kebolehan seseorang bertutur dalam dua bahasa. Kedwibahasaan majmuk ialah individu yang memperoleh dua bahasa semasa kecil. Kedwibahasaan kordinat pula berlaku apabila individu tersebut memperoleh salah satu bahasa tersebut sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua pula diperoleh kemudian. Kedua-dua sistem tersebut disepadukan dan disimpan secara berasingan.

Kedwibahasaan lahir dalam masyarakat majmuk yang pelbagai budaya, etnik, agama, bangsa, kaum dan lain-lain. Hubungan budaya dengan budaya asing biasanya berlaku di bandar-bandar besar dan pusat perdagangan yang mempunyai pelbagai ragam manusia dan budaya. Penjajahan juga membawa masuk unsur budaya baru dan bangsa asing yang menggunakan dan memaksa rakyat pribumi menggunakan bahasa mereka dalam sistem pemerintahan, khususnya pendidikan dan ekonomi misalnya penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Hartmann (1976) mengatakan bahawa kedwibahasaan melibatkan penggunaan dua bahasa oleh penutur atau masyarakat pengguna bahasa.

Penutur dwibahasa tidak semestinya penterjemah yang baik sebab kemahiran menukar kod dari satu bahasa ke bahasa yang lain diperoleh secara berasingan dan individu tersebut mestilah mahir dalam perbualan kedua-dua bahasa dalam semua keadaan. Malaysia merupakan sebuah negara yang multibahasa dan terdapat individu yang dapat memahami dua bahasa atau lebih, sama ada Melayu-Inggeris, Cina-Melayu-Inggeris, atau India-Melayu-Inggeris, dan sebagainya. Individu yang berpengetahuan dalam

kedua-dua bahasa tetapi yang satu lagi tidak pernah dilahirkan dalam bentuk ujaran atau tulisan, bahkan cuba disembunyikan atas sebab-sebab tertentu dinamakan covert bilingual atau dwibahasa terlindung. Individu dwibahasa tidak akan mempunyai pengetahuan kedua-dua bahasa yang sama baik. Kadang-kadang individu tersebut hanya memahami sahaja tetapi tidak boleh menulis atau bertutur dengan baik. Kedwibahasaan wujud di negara-negara yang menjadikan dialek sebagai bahasa rasmi seperti di Perancis. Keadaan dwibahasa yang memperlihatkan penutur mengamalkan dialek masing-masing dalam kehidupan seharian tetapi menggunakan dialek utama yang telah dijadikan bahasa rasmi. Sama juga halnya dengan Malaysia yang menggunakan dialek Melayu-Johor sebagai bahasa rasmi tetapi menggunakan dialek masing-masing di rumah misalnya dialek Kelantan, Terengganu, Perak, Negeri Sembilan, Kedah dan sebagainya.

Kedwibahasaan berlaku akibat bahasa tempatan dijadikan bahasa rasmi tetapi bahasa lain digunakan sebagai bahasa penyatuan misalnya di Rusia, bahasa Rusia dijadikan bahasa penyatuan tetapi rakyat tempatan boleh menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa rasmi seperti bahasa Ukraine dan Estonia. Kedwibahasaan juga berlaku akibat berpegang kepada idea bahawa penggunaan satu bahasa asing yang dipupuk di samping bahasa ibunda terus digalakkan dalam pembelajaran untuk tujuan mendapat pengiktirafan setaraf dengan bangsa lain. Mengikut ideologi ini, pembelajaran satu bahasa asing dalam keadaan tertentu akan membentuk individu yang mempunyai cara pemikiran baru untuk menghapuskan permusuhan dalam kalangan rakyat misalnya di Singapura.

Perdagangan memainkan peranan utama apabila bahasa merupakan wahana untuk berkomunikasi dan berinteraksi untuk urusan jual-beli. Penerokaan dunia baru juga memerlukan individu memahami dunia yang dilawati untuk memahami budaya bangsa merentasi pelbagai negara. Pengembangan agama oleh mubaligh Kristian dan Islam membawa masuk bahasa asing ke alam Melayu, iaitu bahasa Inggeris, Belanda, Portugis, dan Arab. Dasar pendidikan sesebuah negara mencerminkan masyarakat yang

lahir misalnya Malaysia yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam sistem pendidikan negara akan melahirkan penutur dwibahasa.

Dasar bahasa negara juga melahirkan penutur dwibahasa. Malaysia telah menetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan tetapi menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua; manakala Brunei Darussalam menetapkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Satu lagi unsur yang mewujudkan kedwibahasaan ialah perkahwinan campur dalam masyarakat majmuk yang melahirkan kanak-kanak yang berdwibahasa sejak dari lahir lagi.

Pemerolehan dua bahasa serentak berlaku apabila kedua ibu dan bapa menggunakan kedua-dua bahasa ibunda mereka dalam kehidupan seharian. Kesan yang paling ketara akibat kedwibahasaan ini ialah berlakunya penukaran kod atau pertukaran kod yang dikenali sebagai code switching. Berlakunya penukaran daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain disebabkan oleh perubahan tajuk atau pertukaran siapa yang disapa. Fenomena ini begitu meluas dalam kalangan penutur di Malaysia. Misalnya pelajar Melayu berbahasa Inggeris dengan kawan berbangsa Cina tetapi menukar kodnya semula ke dalam bahasa Melayu apabila bercakap dengan ibunya yang tidak fasih berbahasa Inggeris.

Kesan yang selanjutnya ialah percampuran kod atau code mixing. Ini berlaku apabila seseorang menukarkan kod apabila berbicara secara berganti-ganti untuk satu tajuk yang sama dalam ujaran mereka. Misalnya seorang pelajar bangsa Melayu bercakap dalam bahasa Inggeris untuk membincangkan sesuatu tajuk tetapi kemudiannya mencampuradukkan dengan bahasa Melayu kerana sesuatu hal seperti tidak tahu perbendaharaan kata yang sesuai digunakan atau sebagainya. Fenomena percampuran kod menggambarkan keadaan bahasa sebenar dalam tempoh pemerolehan bahasa kanak-kanak. Namun begitu, dengan berlakunya peredaran masa dan penambahan perbendaharaan kata, ciri ini mungkin luput apabila kanak-kanak berupaya menggunakan kata dalam bahasa kedua untuk menyampaikan maksud.

Namun demikian, di Malaysia dengan latar pendidikan dwibahasa yang diamalkan di sekolah-sekolah dan luar persekitaran yang didedahkan dengan bahasa Inggeris seperti media elektronik, kanak-kanak telah didedahkan dalam situasi dwibahasa pada peringkat awal lagi. Malah, percampuran kod bukan sesuatu yang asing lagi dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini.

Pemindahan bahasa juga berlaku akibat kedwibahasaan. Ini berlaku apabila terdapat penggunaan unsur-unsur bahasa pertama dalam bahasa kedua. Terdapat dua jenis pemindahan bahasa, iaitu pemindahan negatif atau gangguan dan kedua, pemindahan positif. Pemindahan negatif melibatkan pola bahasa natif yang menyebabkan kesilapan dalam bahasa sasaran. Pemindahan positif pula melibatkan pemindahan yang memudahkan pembelajaran dan berlaku dalam kedua-dua bahasa natif dan bahasa sasaran yang mempunyai unsur persamaan.

Kita juga dapat melihat bentuk pengasimilasian bahasa berlaku dalam kedwibahasaan. Proses ini melibatkan penerimaan bahasa secara beransur-ansur oleh generasi kedua sehingga akhirnya tidak menggunakan bahasa ibunda mereka. Kesan lain ialah kelahiran bahasa pijin dan bahasa kreol. Bahasa pijin memperlihatkan unsur kedua-dua bahasa bercampur sehingga melahirkan bahasa baru, namun tidak boleh diklasifikasikan sebagai bahasa asal. Bahasa kreol pula ialah bahasa pijin yang menjadi bahasa ibunda atau bahasa pertama masyarakat penuturnya akibat pertembungan dua bahasa.

Matematik, Sains dan Teknologi dalam bahasa Inggeris

Hasrat untuk mengukuhkan bahasa Melayu menghadapi cabaran yang paling getir apabila munculnya idea pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang telah dibentangkan dalam perjumpaan kabinet pada 17 April 2002. Ini diikuti pula dengan cadangan oleh Kementerian Pendidikan menyemak semula Kurikulum Baharu Bersepadu untuk memberikan ruang bagi pengajaran bahasa Inggeris dalam bidang Sains dan Matematik yang

dilaksanakan bagi murid tahun satu, pelajar tingkatan satu dan pelajar tingkatan enam rendah pada tahun 2003. Alasan yang diberikan ialah pelajar masih tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik, walaupun telah diberikan peluang pemelajaran selama lebih kurang 11 tahun dalam alam persekolahan rendah dan menengah. Sekiranya bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, maka ini dikira bercanggah dengan apa yang termaktub dalam Dasar Pendidikan Negara.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu pada 8 November 2006 telah membuat ketetapan meminta kerajaan supaya tidak menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah demi mengembalikan kedudukan bahasa Melayu pada tempat yang sewajarnya, sebagaimana termaktub dalam Laporan Razak (1956). Apa yang kurang diberikan perhatian ialah penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri memang lemah dari segi penyediaan kurikulum, kemahiran pengajaran, dan pelaksanaan strategi menyebabkan kemerosotan yang begitu ketara dalam pelajar. Namun begitu bahasa Melayu tidak perlu dihukum apabila menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar Sains dan Matematik yang telah berjaya ditangani dengan baik sekali selama ini dalam bahasa Melayu.

Sistem pendidikan dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti telah berjaya melaksanakan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya menjelang 1983. Anjakan dasar pendidikan terhadap bahasa Melayu kelak akan merugikan bangsa Melayu sendiri. Apa yang perlu dilakukan ialah menjalankan kajian semula terhadap kaedah pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Pengalaman penulis sendiri apabila membuat kajian di sekolah di sekitar Petaling Jaya mendapati bahasa penguasaan tulisan pelajar dalam bahasa Inggeris begitu tinggi sekali. Masalah yang timbul ialah kemahiran komunikasi mereka dalam bahasa tersebut. Pokok persoalan inilah yang harus ditangani dengan berhemat. Kita mempunyai tokoh-tokoh akademik yang boleh menjalankan kajian ini dan menyarankan

langkah-langkah yang berkesan mengatasi masalah ini, tanpa mengorbankan bahasa Melayu.

Awang Sariyan (2002) mengatakan bahawa pendekatan, kaedah dan prinsip mempelajari bahasa Inggeris perlu dipertingkat seperti memperbaiki kaedah pengajaran bahasa itu di institusi pendidikan yang ternyata tidak mencapai matlamatnya dan kegagalan sesuatu mata pelajaran tidak seharusnya membabitkan subjek lain. Kementerian Pendidikan perlu menambah kemudahan bahan bantu pengajaran bahasa Inggeris, termasuk penggunaan teknologi terkini, selain menyelia atau menambah serta memperbaiki kemudahan makmal bahasa. Pembudayaan sains dan teknologi dalam bahasa Melayu memerlukan keyakinan, iltizam dan usaha bersungguh-sungguh serta berterusan semua pihak. Bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Jepun, bahasa Korea dan bahasa maju yang lain terbina dalam tempoh yang cukup lama; sebaliknya, bahasa Melayu telah berjaya dibangunkan sebagai bahasa sains dan teknologi serta mencapai kemajuan seperti sekarang ini dalam tempoh kira-kira 49 tahun sahaja.

Kepesatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Teknologi merupakan satu konsep yang luas dan mempunyai lebih daripada satu takrifan. Takrifan yang pertama ialah pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia. Istilah teknologi selalunya berkait rapat dengan rekaan dan aksesori menggunakan prinsip sains dan proses terkini.

Teknologi Maklumat (Information Technology) atau IT dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology) atau ICT merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Ruang lingkup tajuknya sangat luas, iaitu berkenaan segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat. Secara tepat dan mudah dapat dikatakan sebagai penggunaan komputer dan perisian untuk mengubah, menyimpan,

melindungi, memproses, memindah, melihat dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu (Wikipedia, 2007).

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) wujud berdasarkan perkembangan dan kemajuan pesat dalam bidang mikroelektronik yang menghasilkan kemudahan teknologi seperti komputer meja dan komputer riba, jaringan internet, emel, laman sesawang dan sebagainya. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang digunakan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) pada peringkat antarabangsa. Namun demikian, bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga mampu menggalas tanggungjawab penting untuk menyebarkan ilmu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kepada masyarakat di Malaysia.

Bahasa merupakan alat untuk berhubung antara anggota masyarakat. Komunikasi ini dilakukan secara meluas, baik secara rasmi atau tidak rasmi. Masyarakat pada hari ini perlu menerima hakikat bahawa perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) berkait secara langsung dengan kemampuan menjana idea, kreativiti dan inovasi bagi memantapkan penggunaan bahasa Melayu. Strategi yang perlu dirancang ialah memperkukuhkan kekuatan bahasa secara dalaman yang telah terbina sekian lama. Masyarakat pengguna bahasa Melayu perlu bersikap terbuka dan bersedia menerima cabaran perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang dipengaruhi oleh bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris. Usaha untuk membentuk peristilahan bahasa Melayu dalam bidang ini perlu lebih progresif dan terbuka dengan menerima penyerapan masuk kata-kata asing bagi pengayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menempuh beberapa zaman yang mencabar dengan kedatangan unsur asing ke alam Melayu misalnya kedatangan Portugis, Belanda dan Inggeris. Evolusi bahasa Melayu turut berlaku secara perlahan-lahan. Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah mencorakkan bentuk masyarakat, struktur ekonominya dan persaingan sengit dalam pasaran

antarabangsa. Kewujudan bahasa amat penting dalam konteks ini kerana bahasa merupakan sumber komunikasi yang penting. Bahasa Melayu perlu kukuh dan mantap untuk membolehkannya memperkatakan apa sahaja bidang yang begitu cepat muncul dan berkembang dalam kehidupan manusia. Masyarakat berbahasa Melayu perlu mencari kaedah untuk membolehkan bahasa Melayu mempunyai nilai tambah dalam masyarakat yang kelihatannya jelas sekali mementingkan bahasa Inggeris.

Perkembangan era globalisasi memberikan cabaran baru kepada bahasa Melayu. Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) melahirkan unsur baru yang dikenali sebagai bahasa rojak. Bahasa rojak semakin berkembang luas dalam kalangan pengguna bahasa. Ini dicirikan dengan penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Kelahiran K-Ekonomi pula telah membawa perubahan besar kepada semua bentuk perlakuan dan pemikiran manusia. Penggunaan bahasa Melayu dalam internet juga perlu dipertingkatkan agar seiring dengan penggunaan bahasa-bahasa utama lain di dunia.

Penggunaan bahasa Melayu dalam ruang siber ini menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara khususnya ruang sembang siber yang memperlihatkan unsur bahasa yang unik dan tersendiri yakni bahasa Melayu internet. Muncul perkataan seperti kang (nanti), aEkum (assalamualaikum), tipon (telefon), persal (mengapa), nko(engkau) dan lain-lain. Fenomena ini merupakan unsur perubahan yang dikhuatiri akan mencemarkan nilai-nilai asli dalam bahasa Melayu. Ayat-ayat yang terbentuk juga tidak mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu dan kelihatan janggal. Inilah yang perlu disedari oleh pengguna internet yang menggunakan bahasa Melayu sebagai wadah komunikasi agar tidak menggunakan bahasa Melayu sesuka hati tanpa mengambil kira soal peraturan yang sedia ada.

Aktiviti

Bincangkan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik dan kaitkan dengan Dasar Bahasa Negara.

Latihan

- (a) Jelaskan konsep kedwibahasaan dalam konteks masyarakat penutur bahasa di Malaysia.
- (b) Bincangkan pelaksanaan dasar bahasa dalam falsafah pendidikan negara di Malaysia.

Rujukan

Asmah Haji Omar. (1985). Bahasa Malaysia saintifik.. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, 1985. Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

B. Mallikarjun Globalization and Indian languages. Language in India, Vol.3: 2 Februari 2003.

Gede Artika , Pengajaran Bahasa Indonesia bagi penutur asing : Peluang dan harapan kertas kerja dalam Konferensi Internasional pengajaran Bahasa Indonesia bagi penutur asing (KIPBIPA) IV, 1-3 Oktober 2001 Denpasar, Bali.

Globalization [http:// www.germanenglishwords.com](http://www.germanenglishwords.com) dipetik pada 12 Januari 2007

Hartmann, R.R.K, Stork, F.C. (1976). Dictionary of language and linguistics: London, Applied Science Publisher.

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). Bahasa dan globalisasi: Cabaran terhadap perancangan Bahasa Melayu. dlm. MELAYU Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu Jil.2 Bil.2 Disember 2004.

Sinopsis

Tajuk ini akan memberikan pelajar pendedahan mengenai peringkat-peringkat perkembangan tatabahasa Melayu yang meliputi tatabahasa bentuk formal, deskriptif, notional dan preskriptif. Selain itu pelajar juga akan diajar dan mengadakan perbincangan dalam bentuk aktiviti mengenai tatabahasa bebas konteks dan fungsional.

Pengenalan**7.1 Peringkat Perkembangan Tatabahasa Melayu**

Apabila menganalisis peringkat-peringkat perkembangan tatabahasa Melayu, kita perlu menelusuri karya-karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis terdahulu kerana karya-karya tersebut memuatkan sistem bahasa mengikut zamannya. Karya awal Nahu-nahu Melayu yang boleh dirujuk adalah seperti di bawah :

- Bustanul Katibin (BK) (1857) oleh Raja Ali Haji.
- Pemimpin Johor (1878) oleh Muhammad Ibrahim Munshi
- Kitab Permulaan Pertuturan Melayu (KPPM) (1911) oleh Abdullah bin Abd.Rahman
- Senjuh Surat (SS) (1922) oleh Mohd Shah bin Yusof
- Kitab Pelita Mengarang (KPM)(1925) oleh O.T. Dussek dan Mohd Hashim bin Hj. Talib
- Kitab Punca Bahasa (KPB) (1928) oleh Abdullah bin Talib
- Rencana Melayu (RM) (1928) oleh Raja Hj. Mohd Tahir bin Mursyid Riau
- Ilmu Mengarang Melayu (IMM) (1934) oleh Za'ba
- Kitab Penanggam Bahasa (PB) (1936) oleh Ibrahim bin Hj. Salam
- Kitab Permulaan Mengarang (PM) (1936) oleh Syed Muhammad bin Othman
- Jalan Bahasa Melayu (JBM) (1937) oleh Dato' Hj. Muhammad Said bin Sulaiman
- Penokok dan Penambah dalam Bahasa Melayu (PDM) (1939) oleh Dato' Hj. Muhammad Said bin Sulaiman
- Pelita Bahasa Melayu (PBM) (1940) oleh Za'ba

7.1.1 Bidang Yang Dicakupi Sejak Tahun 1900 –1940

Buku/Bidang	Huruf & Ejaan	Golongan Kata	Pengimbuhan	Ayat	Tanda Baca	Karangan	Aspek-aspek Gaya
BK	/	/	/	/			
KPPM		/		*			/
SS		/	/	/		/	
KPM	/	*	/			/	/
KPB		/	/		/		
RM	/		/				
IMM						/	/
PB	/			*			
PM	/			/	/	/	*
JBM		/		/			
PDM			/				
PBM	/	/	/	/			

Nota :- menunjukkan adanya bidang-bidang tertentu.* - disentuh secara sepintas lalu ketika membincangkan aspek-aspek lain.

7.1.2 Golongan Kata

Berdasarkan penahu-penahu di atas, terdapat beberapa aspek golongan kata yang telah dibincangkan secara spesifik atausepintas lalu melalui pendekatan atau kaedah yang berbeza. Penelitian golongan kata adalah berdasarkan intuisi penahu dalammemerikan bahasa Melayu. Antara penggolongan kata yangdibahagikan ialah:

- BK - nama (isim), perbuatan(fiil) dan harf (partikel)
- KPPM - nama, perbuatan dan diwal
- SS - nama, keadaan nama dan perbuatan
- KPB - nama, ganti nama, sifat, perbuatan, kelakuan, fahamkata,penyambut kata seruan
- JBM - nama, ganti nama, perbuatan, rupa nama, rupa kata,sendinama, sendi kata, seruan dan ibu kata
- PB - nama, perbuatan dan diwal kata
- PBM - nama & ganti nama, perbuatan, sifat, sendi, seruan

Diwal kata merupakan golongan kata lain yang bukan dari golongan nama dan perbuatan (kerja). Diwal sinonim dengan kata tugas untuk istilah moden. Antara diwal yang ditemui ialah:

- a) Tambahan perbuatan (kata bantu & kata perintah)
- b) Penetapan tutur, pandu. Sumpah (kata sendi nama)
- c) Penempatan tutur (kata arah, kata waktu)
- d) Janji kata (kata hubung syarat)
- e) Penyambung kata, cadangan, perubahan (kata hubung)
- f) Penguat kata (kata penguat) g) Istifham (kata tanya)
- h) Pengecualian kata (kata nafi, kata sangkal) i) Seruan, hairan, tengking, herdik (kata seru)
- j) Menyahut (kata pembenar)
- k) Menjawab, menafikan (kata nafi)
- l) Tempelak (kata penegas)
- m) Perakam (kata pangkal ayat)

7.1.3 Istilah Kata

Untuk istilah, kita merujuk kepada golongan dan subgolongan kata. Maksudnya di sini perbezaan istilah yang digunakan pada ketika dahulu dengan istilah moden. Antara istilah yang didapati bersesuaian dengan padanannya adalah seperti berikut:

Bilangan	Istilah Lama	Istilah Moden
1	Diwal kata	Kata tugas
2	Penyambung kata	Kata hubung
3	Sendi kata	Kata hubung
4	Ibu kata	Kata pangkal ayat
5	Diwal pandu	Kata sendi nama/kata hubung
6	Diwal pengetahuan	Kata tanya
7	istifham	Kata penegas
8	Janji kata	Kata hubung
9	Penguat kata	Kata penguat
10	Penempatan tutur	Kata arah
11	Perbuatan	Kata kerja

7.1.4 Pengimbuhan

Untuk proses pengimbuhan, kesemuapenahu dirumus membincangkan aspek-aspek seperti sedemikian:

- Huraian dan penjenisan
- Cara pengejaan
- Fungsi imbuhan
- Peristilahan yang digunakan
- Sintaksis

Pada bahagian sintaksis, secara umumnya aspek yang ditekankan ialah:

- Definisi ayat
- Binaan ayat (percantuman kata, penyambung kata dan penunjuk kata)
- Jenis ayat : Bagi jenis ayat, istilah yang digunakan juga berbeza dengan istilah moden.

Bil	Istilah Lama	Istilah Moden
1	Ayat benar	Ayat tunggal
2	Ayat terikat	Ayat majmuk
3	Ayat songsang	Ayat pasif
4	Kata ringkas	Ayat tunggal
5	Kata lanjut	Ayat majmuk
6	Kata selapis	Ayat tunggal
7	Kata bercampur	Ayat majmuk
8	Kata berlapis	Ayat majmuk pancangan

Rumusannya, setiap buku tatabahasa pada zaman tradisional meliputi aspek-aspek yang merangkumi satu sistem lengkap tatabahasa iaitu morfologi dan sintaksis. Malah ada juga bidang ejaan, karangan dan aspek gaya bahasa dimasukkan sekali. Jelaslah pada tahun 1900-1940 bahasa Melayu sudah berkembang maju seiring dengan peredaran semasa linguistik. Terdapat

beberapa istilah lama yang pelbagai. Istilah tersebut hendaklah diselaraskan agar tidak berlaku sebarang kekeliruan seperti istilah sekarang yang mantap dan jitu.

7.1.5 Jenis-jenis tatabahasa

Terdapat lima jenis tatabahasa iaitu :

a. Tatabahasa formal

Antara ciri-ciri nahu tatabahasa bentuk ini ialah pemerian bahasa berdasarkan bentuk linguistik, struktur dan ciri lakuan bahasa. Setiap rumus tatabahasa ini dapat ditentukan tempatnya dalam sistem bahasa dan berdasarkan fungsi, tidak berdasarkan factor ekstralinguistik. Tatabahasa ini juga berbentuk huraian dan deskriptif.

b. Tatabahasa Preskriptif

Bentuk ini juga dikenali juga dengan nama Tatabahasa Normatif. Berdasarkan tatabahasa ini, ciri-ciri yang dianggap betul sahaja yangdiberikan penggunaan acuan pencarian yang sedia ada. Penentuan kaedah baku digunakan sebagai rujukan ataupun pedoman dalam tatabahasa bentuk ini.

c. Tatabahasa Bebas Konteks

Antara ciri-ciri nahu tatabahasa ini ialah Struktur Frasa (SF) dengan rumusnya ditulis $X \rightarrow Y$. Rumus Tulis semula digunakan dengan tidak mengira apa-apa konteks X.

d. Tatabahasa Fungsional

Penggunaan tatabahasa ini adalah berdasarkan pandangan pragmatic (praktikal). Fungsi bahasa menerusi tatabahasa ini adalah sebagai alat perhubungan social dan tatabahasa ini menggunakan rumus yang mengawal hubungan manusia.

Sinopsis

Menerusi tajuk ini, pelajar akan didedahkan dengan aliran dan tokoh-dokoh dalam tatabahasa Melayu terdiri daripada aliran tradisional: Marsden, Winsted, Za'ba, Struktural: Asmah dan Abdullah, Tranformasi-Generatif: Farid M. Onn, Tatabahasa Dewan: Nik Safiah, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood.

8.0 Pengenalan

Tatabahasa merupakan susunan perkataan yang kemudiannya menjadi ayat. Penyusunan perkataan dan kemudian ayat ini akan mempunyai makna yang tertentu. Terdapat peraturan-peraturan tersendiri untuk membentuk kata, frasa dan ayag dan peraturan inilah yang menentukan ketepatan sesuatu bentuk bahasa yang dilahirkan oleh penutur sesuatu baik, baik secara lisan mahupun tulisan.

8.1 Aliran dan tokoh dalam tatabahasa Melayu

Terdapat beberapa aliran tatabahasa bahasa Melayu yang dikategorikan mengikut tokoh-tokoh yang memperjuangkannya. Antara aliran tersebut ialah tradisional, structural dan transformasi generative serta Tatabahasa Dewan.

8.1.1 Aliran Tradisional

Terdapat ramai sarjana Barat & tempatan yang mengkaji tatabahasa Melayu. Dalam tajuk ini kita hanya meneliti aspek penggolongan kata yang dibuat oleh Sa'ba, Marsden dan Windstedt yang menjelaskan tatabahasa dengan menggolongkan nama mengikut makna. Kita juga dapat melihat penggolongan kata yang dibuat oleh ketiga-tiga tokoh tersebut pada dasarnya adalah sama.

8.1.1.1 R.O. Winstedt Malay Grammar (1914)

Penggolongan kata boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu namaan (substantives), kerjaan (verbals) dan partikel.

- a. Namaan : nama, ganti nama, angka, sifat nama
- b. Kerjaan : kata kerja, sifat kata
- c. Partikel : kata depan, kata sendi, kata seru, penambah

8.1.1.2 W. Marsden A Grammar of the Malay Language (1812)

Marsden membahagikan kata kepada dua bidang utama iaitu golongan besar dan golongan kecil.

- a. Golongan besar : namaan, sifat nama, kerjaan
- b. Golongan kecil : ganti nama, angka, sifat kata, kata depan, kata sendi, kata seru

8.1.1.3 Za'ba : Pelita Bahasa Penggal 1 (1940)

Za'ba pula membahagikan golongan kata kepada lima bahagian iaitu kata nama, kata perbuatan, kata sifat, kata sendi dan kata seruan.


- a. Kata Nama : menyebut benda atau orang
- b. Kata Perbuatan : menyebut perbuatan atau keadaan yang diadakan
- c. Kata Sifat : menerangkan sifat sesuatu nama atau perbuatan atau lainnya
- d. Kata sendi : menyambungkan antara perkataan dengan perkataan atau antara bahagian percakapan
- e. Kata seruan : mengeluarkan perasaan hati

8.1.2 Aliran Struktural Struktural

Aliran struktural merupakan aliran yang membangkang aliran tradisional. Linguistik di Barat berkembang dengan pesatnya. Aliran ini begitu menekan kepada unsur dalam sesuatu bahasa. Setiap unsur dikaji secara mendalam mengikut sistem bahasa. Bukti yang nyata ialah penggolongan kata kerja yang dibuat oleh Asmah Hj. Omar dalam buku Nahu Melayu Mutakhir yang berasas kriteria sintaksis.

Antara ciri-ciri nahu ini ialah bahasa dianggap sebagai struktur Unsur yang membentuk struktur itu mempunyai hubungan dan sifat tertentu Unsur ini juga digunakan untuk menjanakan ayat dan menentukan struktur konstituennya. Bagi membincangkan aliran struktural yang dibawa oleh Asmah Haji Omar, kita boleh merujuk kepada hasil penulisan beliau iaitu An Introduction to Malay Grammar (1969),

Nahu Melayu Mutakhir (1982) dan Nahu Kemas Kini (2008). Penggolongan kata mengikut aliran tersebut dapat dilihat menerusi rajah di bawah.



Selain Asmah, Abdullah Hassan (1980) juga merupakan tokoh bahasa aliran struktural yang membahagikan kata kepada enam golongan iaitu kata nama, kata kerja, kata adverb, kata adjektif, kata tugas dan kata partikel. Golongan tersebut dipecahkan pula kepada bahagian-bahagian kecil iaitu :

- a. Kata nama : nama (nama khas, nama am), ganti nama (diri, tanya, penunjuk), bilangan (angka, kuantiti), dan penjodoh bilangan.
- b. Kata kerja : melampau dan tak melampau (dinamik, static)
- c. kata adverb : tempat, aspek bandingan
- d. Kata adjektif : keadaan, dinamik
- e. Kata tugas : positif, negative, kata depan
- f. Kata partikel : tanya, tegasan, seruan

8.1.3 Aliran Transformasi generative

Dalam linguistik, aliran transformasi generatif (TG) ialah satu aliran mazhab pengkajian bahasa yang telah dikemukakan oleh Noam Chomsky. Beliau merupakan seorang profesor linguistik yang menyumbangkan buah fikirannya di Massachusetts Institute of Technology. Aliran TG yang dikemukakan oleh Chomsky ini diperkenalkan olehnya melalui penerbitan sebuah monograf yang bertajuk *Syntactic Structure*, pada tahun 1957. Kemudian, teori TG ini diperbaiki oleh Chomsky melalui bukunya, *Aspect of the Theory of Syntax*.

TG memberi tumpuan terhadap bidang sintaksis (ayat) serta mengutamakan bidang semantik(makna). Dasar utama teori ini ialah dengan menganggap bahawa setiap ayat yang dihasilkan sebenarnya mengandungi dua peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah struktur dalaman dan struktur permukaan.

Struktur dalaman ialah struktur yang mengandungi ayat dasar atau ayat inti. Struktur permukaan pula ialah struktur yang telahpun mengalami perubahan daripada struktur dalamannya dan merupakan bentuk ayat yang dituturkan oleh seseorang penutur.

Mengikut hukum TG, struktur dalaman dan struktur permukaan diterbitkan oleh dua rumus tatabahasa. Rumus-rumus tersebut ialah Rumus Struktur Frasa (RSF) dan Rumus Transformasi. RSF akan membentuk ayat pada struktur dalaman, manakala Rumus Transformasi pula akan menerbitkan ayat pada peringkat permukaan. Ayat-ayat yang terhasil daripada kedua-dua bentuk tersebut biasanya tidak mempunyai persamaan. Ayat yang terhasil daripada struktur dalaman akan menjadi input kepada pembentukan ayat pada peringkat permukaan.

Rumus Struktur Frasa (RSF) --> Rumus Transformasi

Rumus Transformasi itu pula mempunyai kemampuan untuk menggugur, menambah, menyusun semula, dan mengubah unsur-unsur kata yang terdapat dalam sesuatu ayat R.O. Winstedt Malay Grammar (1914).

8.1.4 Tatabahasa Dewan

Antara tokoh-tokoh yang mendokongi aliran ini ialah Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood. Aliran ini merakamkan sistem Bahasa Melayu yang merupakan korpus utama bahasa Melayu. Antara tujuan rakaman ini diadakan adalah untuk menyediakan satu huraian terhadap bahasa Melayu yang dapat digunakan sebagai rujukan oleh semua penutur bahasa Melayu, terutama oleh guru dan murid sekolah.

Ciri-ciri aliran Tatabahasa Dewan

- merupakan buku rujukan yang mana inti sarinya lebih menumpukan pada aspek pembentukan perkataan dan pembinaan ayat.
- menjadi pegangan dan sumber rujukan dalam pengajaran bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di sekolah, maktab, mahupun di institusi pengajian
- tinggi. Aliran transformasi generatif bercampur dengan aliran tradisional dan struktural.

Sinopsis

Menerusi tajuk ini, pelajar akan didedahkan dengan tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Pasar dan tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor. Selain itu pendedahan turut diberikan mengenai tulisan Jawi yang terdapat pada Batu Bersurat.

9.0 Pengenalan

Pada asasnya bahasa ialah ujaran yang dikeluarkan oleh organ pertuturan manusia yang secara arbitrari melambangkan maknanya dan digunakan oleh satu masyarakat bahasa untuk perhubungan (Hashim Musa:205). Tulisan pula lahir apabila manusia mengetahui bagaimana hendak menyampaikan fikiran dan perasaannya melalui tanda-tanda tampak atau visual dalam bentuk yang dimengerti sendiri tetapi oleh orang lain juga.

Sistem ejaan yang digunakan dalam tulisan Melayu berhuruf Arab yang dikenali juga sebagai ejaan Jawi. Tulisan Jawi digunakan oleh orang Melayu sejak orang Melayu memeluk agama Islam. Orang Arab menggelar orang Melayu sebagai Jawah atau Jawi. Hal ini disebabkan pada zaman dahulu, daerah Asia Tenggara terkenal sebagai Javadwipa. Di Malaysia, sistem ejaan Jawi bukanlah system tulisan rasmi tetapi diajar sebagai satu subjek dalam pengajaran di sekolah manakala di Indonesia pula, sistem ini hanya dikenali oleh para pengkaji naskhah Melayu lama.

Sebelum bahasa Melayu menerima mana-mana pengaruh, bahasa itu sudah mempunyai sistem tulisannya yang tersendiri walaupun tidaklah begitu sempurna. Aksara rencong ialah huruf Melayu tua yang lebih tua daripada aksara Jawa kuno (tulisan Kawi). Sisa tulisan ini dapat kita lihat dalam tulisan Rencong yang digunakan di Sumatera Selatan, di daerah Bangkahulu dan Palembang di sebelah hulu, manakala tulisan Kawi di Jawa.

Masyarakat yang memiliki tulisan kebiasaannya dianggap telah memiliki peradaban yang lebih tinggi berbanding dengan yang lain.

Hingga abad ke-14, bahasa Melayu telah mengalami pengaruh daripada tiga bahasa, iaitu bahasa Sanskrit, bahasa Jawa dan bahasa Arab. Pengaruh pertama terhadap bahasa Melayu ialah bahasa Sanskrit yang dibawa oleh pedagang-pedagang India atau pedagang Melayu yang berurusan dengan negara India. Akibatnya pengaruh indianisasi berkembang dalam budaya Melayu. Para sarjana berpendapat pengaruh Hindu masuk ke alam Melayu sekitar abad ke-14, iaitu zaman kemuncaknya pengaruh Hindu di kepulauan Melayu. Bahasa Sanskrit dianggap asas kepada bahasa Melayu yang hidup hingga pada hari ini.

Tulisan bahasa Melayu yang asal, iaitu huruf Rencong tersisih tetapi kosa katanya bertambah kaya. Namun begitu, muncul pula tulisan yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Didapati bahawa menerusi tulisan inilah bahasa Melayu terus maju dalam pelbagai bidang. Kebanyakan mubaligh dan golongan cendekia Melayu mengenal pasti bunyi bahasa Melayu yang tidak terdapat dalam bahasa Arab. Kekurangan abjad ini telah menyebabkan mereka memilih huruf Parsi dan huruf lain yang mereka cipta sendiri dengan menambah tanda pada huruf Arab yang sedia ada. Pada masa tersebut juga, penulisan kitab agama mahupun kesusasteraan berkembang dengan subur di Aceh. Ini disebabkan keutamaan yang diberikan oleh kerajaan Aceh tentang penulisan keagamaan dan kesusasteraan bercorak Islam. Para pujangga telah diberikan layanan istimewa. Oleh itu, kita dapati perkembangan tulisan Jawi, sedikit demi sedikit, mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu.

9.1 Tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Pasai

Pada abad ke-13 merupakan zaman kegemilangan Islam ke alam Melayu. Perkembangan agama Islam telah meletakkan bahasa rasmi agama Islam ialah bahasa Arab yang mulai mendapat tempat dalam kalangan penganut agama Islam di daerah ini. Bahasa Melayu Kuno yang

menggunakan huruf-huruf India bertukar menggunakan huruf-huruf Arab disebut huruf Jawi. Perkataan Jawi ini bermaksud Aorang JawaE atau Aberasal dari tanah JawaE. Penulis-penulis Arab pada zaman klasik termasuk Ibn Batutah dalam bukunya Al-Rehlah, menggelarkan pulau Sumatera sebagai Al-Jawah. Oleh itu, orang Arab memanggil orang Melayu di Jawa sebagai Jawi dan tulisan Melayu yang menggunakan huruf Arab sebagai tulisan Jawi.

Tulisan ini dicampuradukkan dengan tulisan Arab yang menggunakan 29 huruf dengan lima huruf tambahan bukan Arab yang dicipta oleh orang Melayu sendiri. Lima huruf bukan Arab yang terdapat dalam tulisan Jawi ialah Ca, Nga, Pa, Ga, dan Nya. Huruf-huruf ini dicipta untuk melambangkan bunyi-bunyi yang lazim disebut pada lidah Melayu. Huruf-huruf baharu ini ditiru daripada huruf Arab yang seakan-akan sama bentuknya.

Tulisan ini telah berkembang sejak zaman Kerajaan Islam Pasai kemudian disebarkan ke Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor dan juga Aceh pada abad ke-17. Bukti kewujudan tulisan ini di Malaysia adalah dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H atau 1303M manakala tulisan Rumi yang paling awal ditemui adalah pada akhir kurun ke-19. Ini menunjukkan tulisan Jawi telah sampai ke negara ini lebih awal berbanding tulisan Rumi.

9.2 Tulisan Jawi pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor

Tulisan Jawi merupakan tulisan rasmi bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu semasa penguasaan British. Kini tulisan ini digunakan dalam urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu yang kebanyakannya di Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Pada zaman dahulu, tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam masyarakat. Tulisan ini digunakan sebagai perantara penting dalam semua urusan pentadbiran, adat istiadat dan perdagangan. Contohnya digunakan dalam perjanjian-perjanjian penting antara pihak-pihak

di-Raja Melayu dengan pihak-pihak berkuasa Portugis, Belanda dan Inggeris. Selain itu, Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 bagi negara Malaysia antara lain juga tertulis dalam abjad Jawi (Wikipedia, 2008).

9.3 Tulisan Jawi di Batu Bersurat

Tulisan Jawi yang terdapat pada Batu Bersurat memperlihatkan pengaruh bahasa Arab mula menjalar masuk ke dalam bahasa Melayu. Batu bersurat di Kuala Berang memperlihatkan satu perubahan radikal terhadap bahasa Melayu. Tulisan pada batu bersurat tersebut memperlihatkan penggunaan huruf-huruf yang dikatakan tulisan Jawi. Tulisan Jawi yang terdapat pada Batu Bersurat Kuala Berang memperlihatkan bahawa tulisan ini telah mengenal abjad bahasa Melayu dengan agak lengkap. Misalnya, abjad yang terdapat dalam perkataan yang tertulis pada batu bersurat tersebut. Antaranya ialah a (ada), b (bagi), c (cucuku), r (rasul) dan lain-lain. Didapati juga bahawa keseluruhan wacana yang terdapat pada Batu bersurat Kuala Berang itu hanya huruf Aq,v,x, dan zE sahaja yang tidak ditemui. Namun demikian, hal ini tidaklah mengatakan bahawa huruf AqE dan AzE tidak ada pada zaman tersebut kerana huruf tersebut sememangnya wujud dalam huruf Arab, iaitu AQafE dan AZaiE.

Aktiviti

Jelaskan kaitan antara falsafah pendidikan negara dengan usaha memartabatkan tulisan Jawi.

Latihan

- (a) Bincangkan penggunaan abjad dalam tulisan Jawi.
- (b) Huraikan perkembangan penghasilan Daftar Ejaan Rumi-Jawi Bahasa Melayu.
- (c) Bincangkan peranan yang seharusnya dimainkan oleh individu dan masyarakat dalam memartabatkan tulisan Jawi.

Sinopsis

Tajuk ini akan membicarakan kemasukan tulisan rumi berdasarkan sejarah dan perkembangannya. Perincian mengenai kemasukan tulisan rumi ke Tanah Melayu dan perkembangan tulisan rumi pada zaman pemerintahan British akan dihuraikan dengan agak mendalam dalam bab ini.

10.0 Pendahuluan

Sejarah perkembangan tulisan Rumi ini bermula pada tahun 1902, apabila tulisan Rumi yang pertama telah disusun oleh Jawatankuasa Ejaan R.J. Wilkinson. Sistem ini kemudiannya diperbaiki oleh Pendita Zaaba dan dikenali sebagai Sistem Ejaan Sekolah. Sistem ini dijadikan tulisan rasmi sehingga beberapa tahun. Ketika Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga diadakan di Singapura dan Johor Bahru pada tahun 1956 satu sistem ejaan yang dinamakan Ejaan Kongres telah dibentuk. Malangnya, sistem ini tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat beberapa huruf di dalam sistem ini yang agak sukar untuk diikuti.

Pada tahun 1959 sistem Ejaan Malindo diperkenalkan setelah beberapa rundingan diadakan antara Malaya dan Indonesia tetapi sistem ini tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu. Kemudiannya pada tahun 1966, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bahasa dan Ejaan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Syed Nasir Ismail. Jawatankuasa ini telah mengadakan siri-siri rundingan baru dengan Indonesia sehingga tercapai persetujuannya pada 27 Jun 1967 dan ini dikenali sebagai Sistem Ejaan Bersama Malaysia/Indonesia. Pelaksanaan sistem ini juga terpaksa ditangguh sehingga bulan Jun 1972, satu rombongan Malaysia yang diketuai oleh Tuan Haji Sujak b. Rahiman telah pergi ke Indonesia dan mengadakan rundingan dengan Pendita Ejaan Bahasa Indonesia yang diketuai oleh Ibu Dra. Mulyadi. Kedua-dua pihak akhirnya bersetuju berdasarkan kepada semangat keputusan 1967.

10.1 Kemasukan Tulisan Rumi

Salah satu kesan penting kedatangan orang Eropah ke alam Melayu ialah kemunculan tulisan Rumi. Marco Polo dikatakan orang Eropah yang pertama datang ke kepulauan Melayu yang mengembara dari Venice, Itali dan dikatakan tinggal di Sumatera selama lima bulan pada tahun 1292-1293 Masihi. Kejatuhan Melaka pada tahun 1511 pula merupakan tanggal yang diingati bermulanya kuasa Portugis di kepulauan Melayu. Namun demikian kuasa Portugis juga merosot dengan kedatangan kuasa Belanda, Sepanyol dan Inggeris. Perkataan Melayu yang mula-mula dicatat oleh Pigafetta mengandungi lebih kurang 426 perkataan dengan beberapa perkataan tempatan yang lain. Perkataan ini dikatakan dikumpul daripada seorang hamba kepada Magellan yang bernama Hendrick, seorang Melayu Sumatera. Sistem ejaan yang digunakan oleh Pigafetta berdasarkan sistem ejaan bahasa Itali daripada dialek Vicentine, iaitu tempat asal Pigafetta. Beliau menamakan daftar kata tersebut sebagai kosa kata yang digunakan oleh orang Moorish atau Muslim.

Ejaan Rumi/Latin Pigafetta juga mengandungi abjad-abjad yang dapat dipadankan dengan abjad Rumi bahasa Melayu moden dari segi grafem dan nilai bunyinya. Antara contoh senarai kata Ejaan Rumi/ Latin Pigafetta yang sepadan dengan Abjad Rumi dapat dilihat seperti berikut :

Allah - God - Allah

Caphre - heathen - kafir

mischit - mosque - masjid

bapa - father - bapa

mama - ambui - mother - mama - ibu

anach - son - anak

capala - head - kepala

Menurut Hashim Musa (2006:394), terdapat empat naskah awal catatan pelayaran Pigafetta yang mengandungi daftar kata Melayu, iaitu satu naskah Itali dan tiga naskah Perancis, iaitu terjemahan bagi naskah Itali tersebut.

Bausani dikatakan mendasarkan ejaan senarai itu berasaskan naskah Itali yang tersimpan di Ambrosiana Perpustakaan di Milan yang bertarikh 1525 atau lebih tepat dikatakan daripada naskah lain. Pigafetta dikatakan mempelajari bahasa Melayu daripada Hendrick dan kemungkinan Pigafetta telah menyemak perkataan-perkataan yang dicatatnya dengan Hendrick. Ulasan Bausani tentang tulisan Rumi ini telah dipetik oleh Hashim Musa (ibid:394) seperti yang berikut: (a) Abjad vokal <e> pepet dalam bahasa Melayu/Indonesia moden kebanyakannya dieja dengan abjad vokal <a> dalam senarai Pigafetta, kecuali dalam beberapa perkara, misalnya gumbili (kembiri) yang dieja dengan abjad /u/.

- (a) Bunyi /h/ yang lemah ucapannya digugurkan sama ada di hadapan atau di belakang perkataan, misalnya {Alla} (Allah) dan {atti} (hati).
- (b) Bunyi plosif /k/ dan /t/ pada hujung perkataan tidak digunakan, misalnya {tungu} (tunjuk), {tumi} (tumit).
- (c) Alternasi antara bunyi // dan /r/ merupakan pengaruh daripada bahasa Tagalog atau bahasa tempatan yang lain, misalnya {dala} (darah), {alli} (hari), {kaur} (katil).

Terdapat banyak bunyi bahasa Melayu dilambangkan oleh lebih daripada satu bentuk abjad atau grafem yang berbeza-beza. Malah terdapat sepuluh jenis bunyi yang telah dilambangkan dengan tiga grafem yang berbeza-beza atau lebih. Senarai kata bahasa Melayu seterusnya ialah bahasa Inggeris-bahasa Melayu yang telah dihasilkan oleh Thomas Bowrey pada tahun 1701 yang berjudul *A Dictionary of English and Malayo, Malayo and English* diterbitkan di London.

Menurut Hashim Musa (ibid:407), sistem ejaan Thomas Bowrey ternyata mempunyai ciri-ciri antik, iaitu penggunaan gugus konsonan yang sama misalnya gg, dd, ll, rr, ss dan tt, dan gugus vokal yang sama, iaitu ee dan oo,

dan kesemuanya seolah-olah melambangkan kepanjangan konsonan atau pun tasyhidid dan juga kepanjangan vokal untuk lambang vokal tersebut.

10.2 Perkembangan tulisan rumi di zaman British

Ejaan Wilkinson telah diperkenalkan di tanah Melayu pada tahun 1904. Ejaan ini dihasilkan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan Melayu Bersekutu (British) yang menerbitkannya dalam buku Romanised Malay Spelling. Hashim Musa (ibid:429) telah menyebarkan enam peraturan utama untuk merumikan ejaan bahasa Melayu, iaitu:

- (i) Semua perkataan Inggeris yang dipinjam oleh bahasa Melayu dieja mengikut sebutan bahasa Melayu.
- (ii) Kata pinjaman yang meluas dalam bahasa Melayu seperti akal dieja mengikut sebutan orang Melayu.
- (iii) Ejaan bagi perkataan yang boleh menunjukkan dengan lebih terang asal pembentukan katanya dipilih walaupun sebutannya berbeza. Misalnya kemudian bukan kemedian, demikian bukan demekian, arakian bukan arekian.
- (iv) Kata terbitan yang mengandungi imbuhan, kata dasarnya dieja menyamai bentuk asalnya walaupun terdapat perubahan bunyi. Misalnya keluar (lawan masuk) dieja berbeza dengan keluar (arah luar).
- (v) Perkataan seperti sahaja, bahaya, sahaya dan cahaya dieja dengan abjad h ditengahnya, iaitu menyamai anjuran Ophuijsen.
- (vi) Sistem pemilihan vokal antara o dan u, antara e dan i pada akhir suku kata tertutup: Vokal o dipilih bukan u jika pada suku kata akhir yang berpola ong, ok, oh. Misalnya kepong, buloh, merbok. Vokal u dipilih jika suku kata akhir berpola um, ut, un, ul, us, dan ur misalnya minum, tahun, betul, hangus dan labur.

Pada penghujung laporan ejaan Rumi ini, jawatankuasa itu telah melampirkan satu senarai panjang sebagai contoh dan panduan ejaan Rumi bahasa Melayu menurut sistem Ejaan Wilkinson. Sistem ejaan inilah yang menjadi panduan dalam pengajaran dan penulisan buku-buku teks di sekolah-sekolah, yang terkenal dengan Ejaan Sekolah.

Aktiviti

- (a) Bincangkan tentang kandungan daftar kata Pigafetta.
- (b) Bandingkan ejaan Wilkinson dan ejaan Ophuijsen .

Sinopsis

Tajuk ini memberikan pendekatan kepada pelajar mengenai system ejaan terkini yang digunakan oleh rakyat sebagai bahasa rasmi di negara ini. Selain terdapat aspek-aspek lain yang turut dibincangkan seperti isu bahasa rojak dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di negara ini.

11.0 Pengenalan

Pada 27 Jun 1967, satu keputusan muktamad mengenai satu sistem ejaan baru yang ilmiah, praktikal serta sesuai untuk Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia telah dicapai. Rundingan mengenai persetujuan sistem ejaan Bahasa Malaysia-Indonesia itu telah dihadiri oleh Jawatankuasa Bahasa dan Ejaan Malaysia yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Nasir bin Ismail (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka) dengan Kumpulan Ahli Bahasa KOTI (Komando Tertinggi Indonesia) yang diketuai oleh Nyonya S. W. Ruddjiati Muljadi. Dalam rundingan itu beberapa perkara telah dibahas bersama secara ilmiah dan mendalam dengan memerhatikan sepenuhnya kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam masyarakat kedua-dua negara. Hasil pertukaran fikiran dan pendapat serta penelitian dan pengolahan bersama, kedua-dua pihak telah mencapai kesimpulan dan persefahaman bahawa perkembangan ejaan dalam kedua-dua bahasa adalah hal yang wajar dan sesuai dengan tuntutan kemajuan ilmiah dan keperluan praktikal. Pengertian bersama juga telah dicapai mengenai hubungan antara Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia yang perlu ditingkatkan lagi melalui semua saluran, baik pertuturan mahupun tulisan.

Kesemuanya itu adalah dalam rangka usaha mencapai cita-cita bersama antara rakyat Indonesia dan Malaysia.

Kempen-kempen memberikan penerangan mengenai Ejaan Bersama itu ke seluruh negara telah dijalankan melalui akhbar-akhbar, radio, televisyen serta melalui majalah-majalah, dan ceramah-ceramah anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dengan tercapainya keputusan muktamad yang ditandatangani oleh kedua belah pihak itu pada hari ini dalam tahun 1967,

maka terciptalah Ejaan Bersama Malaysia-Indonesia, dan pelaksanaannya adalah bergantung kepada penerimaan serta pengesahannya dari kerajaan kedua-dua buah negara.

11.1 Sistem Ejaan Terkini

Pada 16 Ogos 1972, Sistem Ejaan Baharu bagi Bahasa Malaysia-Indonesia telah dilancarkan penggunaannya oleh Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Turut hadir dalam upacara pelancaran ini ialah Menteri Pelajaran, Encik Hussein Onn, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Tuan Haji Sujak b. Rahiman dan Tan Sri Syed Nasir Ismail. Pelancaran penggunaan sistem Ejaan Baharu ini adalah hasil daripada persetujuan antara Malaysia dan Indonesia yang sejak dahulu lagi cita-cita menyediakan satu sistem ejaan yang sama dengan menggunakan bahasa yang sama dan memberi faedah kepada kedua-dua negara. Di samping itu, ini juga bertujuan memperbaiki sistem ejaan Rumi Bahasa Malaysia dan menyesuaikannya dengan unsur-unsur dan perkembangan-perkembangan yang telah mempengaruhi bahasa Malaysia sejak beratus tahun.

Akhirnya pada tahun 1972, Sistem Ejaan Bahasa Malaysia-Indonesia dilancarkan penggunaannya. Ejaan baru ini akan bertugas sebagai alat yang akan mengawal perkembangan serta pertumbuhan bahasa Malaysia selanjutnya di masa depan. Ini adalah satu kejayaan yang amat besar maknanya bagi masa hadapan kedua-dua bahasa Malaysia-Indonesia. Dengan adanya sistem ejaan baharu ini, tidak akan timbul lagi masalah sistem ejaan yang harus diikuti dan digunakan terutama di sekolah-sekolah dan media massa. PUEBM (1975) telah menetapkan lima perkara dalam ejaan Rumi bahasa Melayu, iaitu:

11.1.1 Pemakaian huruf:

- (a) Senarai abjad Rumi yang dipakai;
- (b) Lima huruf vokal a,e,i,o,u dan pola keserasian vokal dalam suku kata pertama dan akhir tertutup, iaitu vokal u dan i digunakan pada suku kata akhir tertutup jika vokal pada suku kata bukan akhir bukan o atau u, dengan satu kekecualian yang tidak mematuhi keserasian itu, iaitu dalam ejaan kata pinjaman, sama ada dari Asia atau Barat (misalnya aneh, lakon, pamer, perabot, tulen, traktor, karbon)
- (c) Tiga diftong yang dilambangkan oleh tiga pasangan huruf vokal, iaitu ai, au, dan oi.
- (d) Huruf konsonan yang berjumlah 26 termasuk q dan x bagi menulis istilah dan huruf k untuk melambangkan huruf Jawi Ain dan Hamzah, iaitu b,c,f,g,gh,h,j,k,l,m,n,ng,ny,p,q,r,s,sy,t,v,x,y,z.

11.1.2 Senarai gugus konsonan untuk mengeja kata/istilah pinjaman daripada bahasa ngeris dan bahasa asing yang lain dan juga senarai pola persukuan kata bahasa I Melayu.

11.1.3 Penulisan nama khas tempat, orang dan sebagainya disesuaikan dengan pedoman ejaan baharu ini, kecuali jika ada pertimbangan khusus untuk mengekalkannya.

11.1.4 Kaedah penulisan huruf, iaitu huruf besar yang mempunyai 12 kaedah dan huruf miring yang mengandungi tiga kaedah ejaan.

11.1.2 Penulisan yang terdiri daripada:

- (a) Kata dasar yang dieja terpisah
- (b) Kata turunan, iaitu dibentuk daripada imbuhan dengan kata dasar yang dieja secara bercantum kecuali jika bentuk imbuhan yang dipinjam diletakkan di hadapan huruf besar, maka dieja dengan sempang (pan-Afrikan, pan-Asian)
- (c) Kata gandaan yang dieja menggunakan sempang di antara bentuk yang diganda dan angka dua tidak boleh digunakan.
- (d) Kata ganti singkatan ku, kau, mu dan nya ditulis serangkai dengan perkataan yang mendahului atau mengikutinya.

- (e) Kata depan di, ke dan dari ditulis terpisah daripada perkataan yang mengikutinya.
- (f) Kata panggilan si dan sang dieja terpisah.
- (g) Partikel lah, kah, tah dieja berangkai dengan perkataan yang mendahuluinya, manakala pun dieja terpisah kecuali beberapa perkataan yang pada kelazimannya ditulis bercantum misalnya adapun, walaupun, bagaimanapun.
- (h) Kata gabungan dieja dengan dua cara, iaitu secara terpisah dan secara bercantum. Kata yang dieja terpisah terbahagi kepada tiga bentuk, iaitu bentuk rangkai kata umum termasuk istilah (air hujan, kapal terbang), bentuk parataksis atau rangkai setara (hidup, mati, ibu, bapa), dan bentuk simpulan bahasa (buah hati, anak emas). Kata yang dieja berangkai pula terdiri daripada beberapa bentuk. Pertama, semua bentuk gabungan yang dieja terpisah apabila menerima gabungan apabila menerima imbuhan hendaklah ditulis bercantum. Kedua, gabungan kata yang sudah dianggap sebagai satu kata yang tersenarai sepenuhnya dalam daftar ejaan Rumi Bahasa Malaysia tetap dieja sebagai satu perkataan kecuali yang tidak tersenarai, dieja terpisah. Ketiga, gabungan kata yang dieja terpisah apabila digandakan hanya bahagian pertama kata yang diulang.

Bahagian akhir dalam sistem ejaan adalah yang berkaitan dengan tanda baca. Aspek yang diperkatakan ialah penggunaan tanda titik, tanda koma, tanda koma bertindih, tanda sempang, pisah elipsis, tanya, tanda kurung, tanda kurung siku, tanda petik, tanda petik tunggal, tanda ulang, tanda garis miring dan penyingkat.

Pada tahun 1981, Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia telah diterbitkan dan sentiasa dikemas kini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia mempunyai beberapa siri cetakan terbaharu dan juga dikemaskinikan oleh DBP melalui persetujuan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia yang sekretariatnya juga ialah DBP. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa perkembangan tulisan bahasa Melayu kini sentiasa dipantau dan diawasi perkembangannya selari dengan perkembangan ilmu semasa.

11.2 Bahasa Rojak

Bahasa rojak merupakan sejenis ragam percakapan di Malaysia yang menakrifkan amalan beralih kod (mencampurkan pelbagai bahasa dalam satu pertuturan) yang serupa dengan pijin, Manglish dan Singlish. Walau bagaimanapun, bahasa dasarnya merupakan bahasa Melayu. Mengikut sejarahnya, penggunaan bahasa rojak telah berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka apabila satu entrepot antarabangsa didirikan. Pada masa ini pedagang-pedagang yang datang ke Tanah Melayu dan penduduk tempatan telah menggunakan pelbagai bahasa dalam satu perbualan untuk menyesuaikan dengan kefahaman pendengar dan penutur. Semasa pemerintahan Parameswara apabila dua kumpulan pedagang tanpa satu bahasa kongsi, mereka akan cuba untuk bertutur dalam apa jua bahasa untuk mendapat keputusan yang terbaik dalam memahami antara satu sama lain, dan hasilnya mungkin suatu pijin atau rojak.

11.3 Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

Semasa pemerintahan British, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah amat terbatas. Bahasa Melayu hanya di sekolah-sekolah Melayu hingga ke darjah VI, di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim dan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka. Mulai tahun 1958, bahasa Melayu mula digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Melayu. Akta Bahasa kebangsaan 1967 yang diluluskan pada 3 Mac 1967 menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Mulai tahun 1968 Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk menjadikan bahasa Melayu bahasa pengantar di sekolah-sekolah kerajaan dengan mengajar mata pelajaran PJK, Kraftangan, Kajian tempatan dan Muzik dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1970, Kementerian Pelajaran menukar bahasa pengantar ke Bahasa Melayu bagi semua mata pelajaran di tingkatan 1 kecuali bahasa Inggeris dan bahasa ibunda.

Pada tahun 1975, semua SRJK ditukar kepada SRK manakala SMJK ditukar kepada SMK mulai tahun 1982. Lembaga Peperiksaan Malaysia menjadikan bahasa Melayu bagi peperiksaan LCE (Lower Certificate of Education), MCE (Malaysian Certificate of Education) dan HSC(Higher School Certificate Cambridge). Pada tahun 1978, LCE digantikan dengan SRP, MCE diganti SPM tahun 1980, dan pada tahun 1982 HSC digantikan dengan STPM.

Pada tahun 1970, kemasukan ke maktab-maktab perguruan pula perlu memiliki kepujian bahasa Melayu dalam SPM dan pada tahun 1970 pula, penggunaan bahasa Melayu di IPTA turut dilaksanakan dengan tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia. Bahasa Melayu mula menjadi bahasa pengantar di maktab-maktab perguruan pada tahun 1973.

Secara jelasnya, penggunaan bahasa pengantar ini amat penting dalam memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Antara fungsi yang bahasa pengantar yang jelas ialah sebagai alat yang menghubungkan rakyat berbilang kaum di Malaysia selain mendukung tanggungjawab ke arah perpaduan negara. Bahasa Melayu juga merupakan alat untuk menyampaikan buah fikiran dan hujah secara tepat dan berkesan dalam komunikasi.

Aktiviti

(a) Bezakan antara ejaan kongres dan ejaan Za'ba.

Latihan

- (a) Bincangkan tentang kemunculan Ejaan Universiti Malaya yang dilaksanakan di Universiti Malaya pada 1 Januari 1971.
- (b) Bincangkan peranan Za'ba dalam perkembangan tulisan Rumi bahasa Melayu.

Sinopsis

Tajuk ini akan memberikan huraian tentang pengkalan data yang memuatkan kata serta kaedah pengumpulan data dan pengelasan kata.

12.0 Korpus Bahasa

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) mentakrifkan korpus sebagai himpunan makalah (tulisan dan lain-lain) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian.

Linguistik Moden pula mentakrifkan korpus ialah himpunan data-data mentah yang bakal digunakan untuk kajian linguistik. Contohnya : himpunan manuskrip dan teks bertulis yang lain.

12.1 Pangkalan Data

Pangkalan Data Korpus (PDK) merupakan sebuah pangkalan data yang dibangunkan hasil daripada kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Universiti Sains Malaysia (PDK DBP-USM) pada tahun 1993. PDK DBP-USM merupakan satu-satunya pangkalan data korpus bahasa Melayu yang terdapat di Malaysia yang menyimpan data korpus bahasa Melayu dalam bentuk digital. PDK DBP-USM terdiri daripada Sistem Korpus dan Data Korpus.

Data korpus boleh bersumberkan bentuk tulisan atau lisan. Bagaimanapun, usaha semasa program ini masih tertumpu pada bahan tulisan daripada buku, majalah, surat khabar, monograf, dokumen, kertas kerja, surat, risalah dan sebagainya. Setiap jenis wacana ini dikumpulkan dalam subkorpus yang berasingan. Saiz mutakhir (sehingga 25 November 2008) Pangkalan Data Korpus adalah lebih kurang 135 juta perkataan yang terkandung dalam sepuluh subkorpus seperti yang berikut:

Untuk membina data korpus, hanya kata-kata yang pernah digunakan oleh penutur dalam masyarakat tertentu perlu dimasukkan ke dalam pangkalan data. Selepas selesai pengumpulan data, penyusun kamus haruslah

menjalankan kerja pengisihan dan pengabjadan data. Dalam prosedur ini, setiap kata yang telah dirakam akan disusun mengikut abjad. Ini boleh dilakukan secara manual atau dengan penggunaan komputer. Data ini akan disimpan dalam bank data untuk digunakan sebagai rujukan kelak. Setelah selesai pengisihan entri, penyusun kamus akan bergerak kepada prosedur seterusnya, iaitu pengolahan data.

Pada peringkat ini penyusun kamus akan mengklasifikasikan kepada yang ditemui ke dalam kata baharu, kata yang lewah, kata yang jarang digunakan (neologisme) dan kata yang mengalami perubahan makna. Kata lewah akan dibuang dengan menggunakan pendekatan semantik dan pragmatik, mendokumentasikan kata neologisme, dan seterusnya mengambil kata-kata baru dan kata-kata yang mengalami perubahan makna pada peringkat pemerian makna. Selepas itu penyusun akan membuang kata-kata lewah, mendokumentasikan neologisme dan mengambil kata-kata baharu. Pemberian makna ialah proses menjelaskan makna sesuatu perkataan. Penyusun kamus boleh menggunakan pelbagai bahan rujukan yang sedia ada seperti daftar istilah dan sebagainya untuk mencari maksud sesuatu kata.

12.2 Pengumpulan dan pengelasan kata

Selepas selesai pengumpulan data, penyusun kamus haruslah menjalankan kerja pengisihan dan pengabjadan data. Dalam prosedur ini, setiap kata yang telah dirakam akan disusun mengikut abjad. Ini boleh dilakukan secara manual atau dengan penggunaan komputer. Data ini akan disimpan dalam bank data untuk digunakan sebagai rujukan kelak.

Setelah selesai pengisihan entri, penyusun kamus akan bergerak kepada prosedur seterusnya, iaitu pengolahan data. Pada peringkat ini penyusun kamus akan mengklasifikasikan kepada yang ditemui ke dalam kata baharu, kata yang lewah, kata yang jarang digunakan (neologisme) dan kata yang mengalami perubahan makna. Kata lewah akan dibuang dengan menggunakan pendekatan semantik dan pragmatik, mendokumentasikan kata

neologisme, dan seterusnya mengambil kata-kata baru dan kata-kata yang mengalami perubahan makna pada peringkat “pemerian makna”.

Selepas itu penyusun akan membuang kata-kata lewah, mendokumentasikan neologisme dan mengambil kata-kata baharu. Pemberian makna ialah proses menjelaskan makna sesuatu perkataan. Penyusun kamus boleh menggunakan pelbagai bahan rujukan yang sedia ada seperti daftar istilah dan sebagainya untuk mencari maksud sesuatu kata. Pembutiran setiap medan maklumat secara relatifnya berbeza antara satu kamus dengan yang lain bergantung kepada tujuan kamus dihasilkan. Medan maklumat bagi sebuah ekabahasa ialah entri (kata masukan utama atau kata dasar), subentri (kata terbitan), entri varian, subentri varian, sebutan, etimologi, kelas kata, takrif, contoh penggunaan, homonim, sinonim, antonim, frasa dan ungkapan, simpulan bahasa dan peribahasa, nama saintifik, label, angka penanda, dan rujuk silang.

12.3 Kata dan Pengkomputeran

Perancangan bahasa Melayu sebagai bahasa moden diseiringkan juga dengan pemanfaatan teknologi canggih, melalui program pengkomputeran. Dua bentuk program yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang pertama ialah pembinaan prasarana atau sistem untuk penyelidikan bahasa Melayu, sementara yang kedua ialah penyelidikan dalam bidang linguistik korpus dan linguistik komputeran. Setakat ini sebuah korpus bahasa Melayu dengan saiz 70 juta patah kata daripada pelbagai teks (akhbar, buku, novel, majalah) telah dibina untuk kegunaan penyelidik bahasa di dalam dan di luar negara.

Di peringkat kerjasama serantau, melalui MABBIM, telah mula diusahakan pembinaan Gerbang Bahasa Melayu/Indonesia pada WWW. Gerbang atau portal tersebut akan menjadi wadah bagi segala kemudahan untuk pengajaran, pemelajaran, penyebaran dan penelitian bahasa Melayu. Di peringkat antarabangsa, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mula menyertai projek Universal Networking Language Pertubuhan Bangsa Bersatu. Projek

ini tertumpu pada usaha menakrifkan suatu bahasa interlingua yang dapat digunakan untuk mengekodkan teks dalam sesuatu bahasa supaya teks tersebut dapat dibaca dalam pelbagai bahasa di Internet. Dijangka bahawa projek ini dapat meluaskan penyebaran bahasa Melayu di mata dunia.

Pemanfaatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah dimulakan dengan Projek Karya Net, penerbitan pelbagai karya ilmu, pedoman bahasa dan karya kreatif dalam bentuk digital dan pengajaran bahasa dan persuratan Melayu melalui talian (Internet). Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama pelbagai pihak sedang memperbanyak perisian komputer dan karya dalam bentuk digital dan elektronik dalam bahasa Melayu untuk membantu pencapaian misi negara dalam mengejar kemajuan pada era globalisasi.

Sinopsis

Tajuk ini akan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang teori dan konsep perkamusan secara menyeluruh. Kata entri atau kata masukan juga terangkum di dalam tajuk ini selain daripada pembelajaran mengenai kata dan pengkomputeran.

Pendahuluan

Menurut Arbak Othman (2000), tidak ada teori tertentu yang dikhususkan bagi maksud penyusunan kamus. Apa yang berlaku dalam perkamusan ialah pandangan tertentu yang digunakan oleh seorang penyusun kamus sebagai panduan supaya kamus yang disusunnya mencapai mutu yang baik dan termuat di dalamnya nilai-nilai kebahasaan, semantik dan semiotik, lengkap dan dapat dipertanggungjawabkan. Maksud teori untuk perkamusan ialah kecenderungan aplikasi ilmu linguistik, semantik, dan pragmatik selengkap mungkin dalam sesebuah kamus. Tugas kamus adalah untuk memberi makna atau takrif kepada kata dan pemberian ini juga menggunakan kata-kata. Dengan kata lain, dalam perkamusan kita terpaksa memberi makna kepada sesuatu lambang dengan menggunakan lambang itu sendiri. Lambang ini ialah lambang linguistik.

Oleh itu, setiap kamus yang disusun mestilah mengutamakan prinsip kesarjanaan sebagai asas penyusunan kamus. Pandangan ahli linguistik perlu dipertimbangkan selain daripada keperluan pengguna kamus. Menurut Arbak Othman, penyusun kamus hendaklah memastikan bahawa makna yang dibuat dalam pemerian sebaik-baiknya berdasarkan sumber rujukan yang berbentuk teks supaya makna perkataan yang digunakan daripada teks tersebut dapat diasingkan menurut jenisnya sama ada kerana gayanya yang berbeza, situasi penggunaannya atau sifat-sifat pragmatiknya yang berbeza. Prinsip-prinsip penyusunan kamus perlulah memerhatikan perkara-perkara yang berikut:

- 1) Perancangan - pertadbiran yang berkaitan dengan perbelanjaan, penentuan individu, dan penentuan prasarana.
- 2) Siapakah yang terlibat? - Individu yang terlibat bersangkutan dengan persyaratan keahlian dan kemampuan individu melaksanakan program perkamusan.
- 3) Aspek linguistik - aspek linguistic digarap menurut cabang ilmu linguistik yang berkaitan dengan leksikologi termasuklah tatabahasa, lafaz pengetahuan dialek, maklumat ensiklopedia dan sebagainya.
- 4) Pemasaran - aspek yang berkaitan dengan penyebaran kamus secara meluas sebagai satu produk.
- 5) Pra-syarat kemampuan peneliti atau penyusun kamus - penguasaan dua atau tiga bahasa di samping bahasa ibunda akan menentukan kepekaan linguistik dan keterbukaan terhadap isu-isu bahasa. Penyusun kamus juga perlulah mempunyai ketekunan yang konsisten, ketelitian dan kecermatan. Selain daripada itu, semangat untuk terus belajar dan cinta kepada bahasa serta ilmu bahasa juga tidak kurang penting.
- 6) Bagaimanakah penelitian dilakukan? - Penelitian leksikologi termasuklah yang bersangkutan dengan korpus bahasa dalam penyusunan pangkalan data. Penelitian aspek bahasa lain seperti tatabahasa sebagai maklumat pelengkap mengenai data yang disajikan.

PRINSIP

Beberapa prinsip perlu dijadikan pegangan dalam penyusunan kamus, iaitu:

- 1) Keaslian - kamus haruslah memuatkan bahasa yang ada bukti bahawa bentuk tersebut benar-benar digunakan oleh penutur jati.
- 2) Keperwakilan - bergantung kepada format kamus yang ditentukan oleh pengguna yakni khalayak, kamus perlu memuatkan bahan yang benar-benar mewakili ruang lingkup khalayak misalnya bahasa untuk kanak-kanak.
- 3) Kelayakan - penyusun harus pasti bahawa hasil kerjanya sesuai dengan tujuan pekerjaannya. Keperluan bagi kamus ekabahasa tidak sama dengan kamus dwibahasa. Selain daripada itu, kelayakan sosial juga

perlu diambil kira misalnya bahasa, agama, dan adat istiadat pengguna kamus.

- 4) Sumber bagi kata masukan atau entri perlulah sumber yang layak diterima
pakai berdasarkan penelitian lapangan, iaitu sumber primer atau sumber sekunder berdasarkan rujukan kepustakaan.

Kamus tidak sekadar mencatat makna tetapi kamus mempunyai perkaitan yang rapat dengan ilmu makna atau semantik. Semantik mengkaji makna kata dan amat penting bagi seorang penyusun kamus. Apa yang menjadi kandungan kamus bukan sekadar kata tetapi makna kata-kata tersebut. Lambang mempunyai makna yakni bukan sahaja bahasa tetapi lambang memberikan makna tertentu. Contohnya apabila mata melihat sesuatu objek seperti baju pastinya mempunyai ciri-ciri warna, bentuk atau jenis kain. Lyons dalam *Semantics* (1977) membezakan tiga makna berasaskan bahasa, iaitu :

- i) makna deskriptif yakni makna biasa berkenaan sifat dan sebagainya, misalnya makna dalam kamus;
- ii) makna sosial yakni makna dalam konteks kegunaan sosial misalnya naga mempunyai nilai tambah bergantung kepada budaya (masyarakat Cina memberikan nilai baik manakala masyarakat Barat memberikan nilai negative)
- iii) makna ekspresif yakni makna berkaitan dengan perasaan misalnya kagum atau marah berbeza berdasarkan persepsi individu.

Kata Entri

Kamus istilah

Entri dalam kamus ini adalah terdiri daripada istilah khusus bagi bidang tertentu. Fungsinya adalah untuk kegunaan ilmiah. Contohnya ialah *Kamus Istilah Fiqh*

Kamus Etimologi

Kamus yang menerangkan asal usul sesuatu perkataan dan maksud asalnya.

Kamus tesaurus (perkataan seerti)

Kamus yang menerangkan maksud sesuatu perkataan dengan memberikan kata-kata seerti sahaja. Kamus ini adalah untuk membantu para penulis bagi mempelbagaikan penggunaan diksi. Contohnya, *Kamus Seerti Bahasa Melayu PTS*

Kamus peribahasa/simpulan bahasa

Kamus yang menerangkan maksud sesuatu peribahasa/simpulan bahasa. Selain daripada digunakan sebagai rujukan, kamus ini juga sesuai untuk dibaca dengan tujuan keseronokan.

Kamus Kata Nama Khas

Kamus yang hanya menyimpan kata nama khas seperti nama tempat, nama tokoh, dan juga nama bagi institusi. Tujuannya adalah untuk menyediakan rujukan bagi nama-nama ini.

Kamus Terjemahan

Kamus yang menyediakan kata seerti bahasa asing untuk satu bahasa sasaran. Kegunaannya adalah untuk membantu para penterjemah.

Kamus Ekabahasa

Kamus ini hanya menggunakan satu bahasa. Kata-kata (entri) yang dijelaskan dan penjelasannya adalah terdiri daripada bahasa yang sama. Kamus ini mempunyai perbezaan yang jelas dengan kamus dwibahasa kerana penyusunan dibuat berasaskan pembuktian data korpus. Ini bermaksud takrifan makna ke atas kata-kata adalah berdasarkan makna yang diberikan dalam contoh ayat yang mengandungi kata-kata berkenaan. Contoh bagi kamus ekabahasa ialah *Kamus Dewan*.

Kamus Dwibahasa

Kamus ini menggunakan dua bahasa, yakni kata masukan daripada bahasa yang dikamuskan diberi padanan atau pemerian takrifnya dengan menggunakan bahasa yang lain. Contohnya: *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (Inggeris-Melayu;Melayu-Inggeris)*

Kamus Aneka Bahasa

Kamus ini sekurang-kurangnya menggunakan tiga bahasa atau lebih. Misalnya, Kata Bahasa Melayu Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina secara serentak. Contoh bagi kamus aneka bahasa ialah *Kamus Melayu-Cina-Inggeris Pelangi* susunan Yuen Boon Chan pada tahun 2004.

Sinopsis

Tajuk ini akan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang konsep yang terkandung dalam terjemahan seperti definisi, matlamat dan kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam terjemahan. Selain itu pelajar turut diberikan pengetahuan tentang kaedah-kaedah terjemahan iaitu kaedah tradisional, peniruan dan penggantian selain penterjemahan bentuk dinamik yang merangkumi kaedah transposisi, modulasi, persamaan dan penyesuaian.

14.0 Pendahuluan

Pada zaman globalisasi dan zaman dunia tanpa sempadan atau zaman dunia internet, maka perubahan yang begitu cepat telah menuntut masyarakat mempejari dan mengetahui bahasa negara maju lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Arab, bahasa Sepanyol, bahasa Rusia, bahasa Jerman, bahasa Jepun, bahasa Korea dan bahasa Cina. Segala kemajuan, penemuan dan ilmu yang baru dalam berbagai-bagai bentuk perlu diketahui oleh masyarakat kita. Bagaimanakah caranya? Tentulah penterjemahan bahasa-bahasa sumber itu diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Dalam hal ini tanggungjawab guru adalah untuk menterjemah sesuatu bahasa supaya dapat diterapkan dan diajarkan kepada anak didiknya dan digunakan oleh mereka.

14.2 Konsep terjemahan

Penterjemahan merupakan satu aktiviti menggantikan bahan teks asli (bahan sumber) ke dalam teks bahasa sasaran (pengguna) dalam bentuk bahasa persamaan yang paling hampir, atau difahami oleh bahasa sasaran (pengguna). Dengan perkataan lain, penterjemahan merupakan penyalinan semula bentuk bahasa penerima mesej (pengguna) daripada bahasa sumber dengan beberapa penyesuaian. Oleh itu penterjemahan melibatkan dua sistem bahasa yang – satu bahasa sumber dan satu lagi bahasa sasaran.

Secara umumnya terdapat dua cara bagaimana proses terjemahan boleh dilakukan iaitu menerusi kaedah tradisional iaitu secara harfiah atau secara

langsung dan juga terjemahan bentuk dinamik (Abdul Hamid Mahmud, et all 2001). Kaedah tradisional ini dapat diklasifikasikan kepada tiga bentuk iaitu pinjaman, peniruan dan pengganitan manakala kaedah dinamik terbahagi kepada kaedah transposisi, modulasi, persamaan dan juga penyesuaian.

14.2.1 Kedah Pinjaman

Kaedah pinjaman digunakan sekiranya perkataan daripada bahasa sumber tiada dalam bahasa sasaran (pengguna) maka perkataan asal terus digunakan dengan beberapa penyesuaian ejaan atau tanpa penyesuaian.

Contohnya:

brek, karaoke, video, multimedia, ekonomi, geografi, calet dll

14.2.2 Kaedah Peniruan

Peniruan berlaku apabila kemasukan istilah pinjaman tetapi istilahnya sahaja yang diterjemahkan. Terdapat dua jenis peniruan, iaitu pertama, peniruan penyampaian yang tidak mengubah struktur bahasa sasaran (buffet servis - servis buffet, green house - rumah hijau, social science - sains sosial, honey moon - bulan madu, yellow culture - budaya kuning, cold war - perang dingin, skyscraper - pencakar langit, letter head - kepala surat, underground - bawah tanah, over due - lebih masa, work load - beban kerja).

Kedua, peniruan struktur yang memasukkan lantasi mewujudkan struktur baru dalam bahasa sasaran misalnya prime minister - perdana menteri, dan mini bus - bas mini. Kata pinjaman peniruan ini digolongkan sebagai kata majmuk yang dipinjam dan disesuaikan dengan pola sintaktik dalam bahasa Melayu.

14.2.3 Kaedah Penggantian

Penggantian berlaku pemindahan warta daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Dalam penggantian, persamaan pada peringkat leksikal dan peringkat sintaksis sedapat mungkin dikekalkan. Hal ini bermakna setiap perkataan dalam bahasa sumber dapat digantikan persamaannya dalam bahasa sasaran dan pada masa yang sama struktur ayat bahasa sumber dipindahkan ke dalam bahasa sasaran tanpa perubahan besar. Kaedah ini kerap diamalkan bagi sesebuah teks berbentuk risalah (informative) yang ditulis dalam bahasa sumber yang ringkas, iaitu tidak kompleks. Bagi teks yang berunsur sains, kita lazim menggunakan istilah yang dipinjam daripada bahasa Inggeris, tetapi diubahsuaikan mengikut ejaan Melayu.

Contoh:

1. I go to market.
Saya pergi ke pasar.
2. More than half the human body is muscle.
Lebih daripada separuh badan manusia terdiri daripada otot.
3. There are over six hundred muscles in the muscular system.
Ada lebih daripada enam ratus otot dalam sistem otot.

Kaedah ini ditemui dalam karya terjemahan *Kenang-kenangan Seorang Geisha* yang memerihalkan tentang beras sebagai makanan ruji yang sama dengan juga dengan makanan ruji masyarakat Melayu. Dalam teks ini terdapat makanan yang menggunakan konsep budaya Inggeris iaitu kek bagi istilah *sweet rice cake* diterjemahkan sebagai *lempeng pulut manis* bukan *kek pulut manis*. Contoh-contoh lain yang diperlihatkan di bawah:

“... to fetch the rice crackers Auntie was so fond of...”

“... untuk membeli keropok beras kesukaan Mak Cik...”

Ternyata bahawa dalam terjemahan tersebut konsep dalam budaya Inggeris disesuaikan daripada budaya Jepun kemudian disesuaikan pula dengan budaya Melayu. Dalam teks tersebut, kita dapati berlaku penggantian daripada rice crackers kepada keropok beras . Hal ini memperlihatkan satu unsur komunikasi silang budaya berlaku apabila terdapat satu ciri yang unik yakni dalam persamaan konsep sesuatu budaya, terdapat juga perbezaan ciri walaupun kecil telah memberikan istilah yang berbeza. Peminjaman konsep berlaku tetapi digantikan dengan istilah bahasa Melayu.

14.3 Penterjemahan Dinamik

Perkataan dinamik memperlihatkan satu kaedah baharu yang melibatkan banyak unsur ke arah memudahkan kerja-kerja terjemahan. Terdapat empat ategori dalam kaedah terjemahan dinamik iaitu kaedah transposisi, modulasi, persamaan dan penyesuaian.

14.3.1 Kaedah ransposisi

Transposisi bermakna berlaku perubahan dalam struktur ayat dalam karya terjemahan. Dalam kaedah ini, kita perlu mengubah atau menukarkan kedudukan frasa atau klausa dalam bahasa sasaran tanpa mengubah maksud warta atau maklumat. Hal ini penting kerana dalam penterjemahan, maksud karya asal perlu dipertahankan walaupun kita melakukan pembaharuan dalam kaedah. Ada beberapa sebab kaedah transposisi perlu digunakan, iaitu untuk menyampaikan warta dalam bahasa sasaran secara yang paling bersahaja dan untuk menjelaskan lagi kandungan warta yang mungkin boleh mengelirukan.

Terdapat dua jenis transposisi iaitu pertama transposisi wajib - cara terjemahannya merupakan yang lazim dan paling bersahaja dalam bahasa sasaran.

Contoh:

1. We thank you for your cooperation.
Atas/kerana kerjasama tuan itu, kami ucapkan terima kasih.
2. After he returns.
*Selepas dia pulang,
Selepas kepulangannya,
Sekembalinya,*

Kedua, transposisi pilihan - terdapat beberapa cara menterjemahnya dan tetap diterima (Harry Potter dan Banduan Azkaban hlm. 7).

1. Non-magic people (more commonly known as Muggles)
Manusia biasa atau yang bukan ahli sihir (lebih dikenali sebagai Muggle)
2. "... were particularly afraid of ..."
"...sangat takut akan ilmu sihir..."

Jelasnya, dalam kaedah transposisi penterjemah dapat memanipulasi keupayaan bahasa sasaran dengan baik tanpa menjejaskan maksud ayat yang diterjemahkan. Kebolehan ini memerlukan kemahiran bahasa sasaran yang cukup tinggi dan keupayaan memahami maksud dalam bahasa sumber agar maksud teks asal tidak disalah terjemahkan. Unsur dinamik ini membolehkan penterjemah mendapat ruang yang lebih besar bagi menyampaikan maksud penulis teks asal.

10.2.2 Modulasi

Kaedah modulasi juga digunakan untuk tujuan yang sama seperti transposisi, iaitu untuk menyampaikan warta dengan gaya bahasa sasaran yang lebih bersahaja dan mudah difahami. Namun begitu dalam modulasi, terdapat perubahan dari segi semantik (makna) pada peringkat leksikal tetapi wartanya tetap tidak berubah dan begitu juga sebaliknya.

Contoh:

1. Saturday night.

Malam minggu/Ahad.

2. In either case, the energy that we obtain ultimately originates from starch.

Dalam kedua-dua hal, tenaga yang kita peroleh pada peringkat akhir berasal dari kanji.

Dalam karya teks terjemahan *Harry Potter dan Bilik Rahsia* kaedah ini digunakan bagi menterjemah budaya kebendaan misalnya perkataan “*sorting hat*” diterjemahkan kepada *topi pengisih*. Perubahan makna tidak begitu ketara tetapi perkataan *sorting* digantikan dengan *mengisih* dalam konteks penceritaan tidak memberikan kesan yang besar

14.3.3 Kaedah Persamaan

Persamaan yang dimaksudkan ialah persamaan terdekat atau persamaan sejadi (bersahaja). Persamaan sedemikian bergantung sepenuhnya kepada konteks dan nilai budaya seperti dalam ungkapan idiomatik daripada peribahasa. Umumnya, tidak ada dua perkataan yang benar-benar sama makna dalam dua bahasa yang berlainan. Oleh itu, kita tidak menterjemah dengan menggunakan persamaan tepat. Kita menterjemah dengan menggunakan persamaan yang paling dekat maknanya.

Contoh

- a. Persamaan terdekat :
race(sociology) - *ras*
national - *nasional, negara, kebangsaan*
- b. Persamaan sejadi/bersahaja
Race - *bangsa, puak, orang, kaum, keturunan*
big and small - *kecil besar*
- c. Perbezaan Budaya
Ouch! - *Aduh!*
Go to hell - *Persetankan! Pergi jahaman!*
- d. Idiom dan Peribahasa
Live from hand to mouth - *Hidup kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang*
To kill two birds with one stone - *Sambil menyelam minum air*

14.3.4 Kaedah Penyesuaian



Kaedah penyesuaian yang merupakan kaedah yang menggabungkan beberapa kaedah seperti modulasi, transposisi, dan persamaan.

Transposisi - Kata sifar (Ungkapan)

Modulasi - Perhatian (Arahan)

Persamaan - Struktur berbeza

Kaedah ini paling banyak digunakan oleh penterjemah kerana kebebasan menentukan gaya yang tersendiri bagi seorang penterjemah. Sebenarnya, pemilihan kaedah yang sesuai bagi penterjemahan banyak bergantung kepada berbagai-bagai faktor, iaitu ringkas atau kompleks sesuatu teks, jenis atau fungsi teks (risalah, am atau teknikal), bidang teks (sastera, agama, sains atau teknikal), dan peringkat teks (untuk kanak-kanak, sekolah rendah atau sekolah menengah atau pengajian tinggi). Justeru, seorang penterjemah haruslah berhati-hati dan peka dalam memilih kaedah yang sesuai. Ada kalanya kaedah-kaedah tersebut boleh digabungkan dan ada kalanya terpisah.

	<p>Terjemahkan petikan di bawah ini daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.</p> <ol style="list-style-type: none">1. Fly the Jalur Gemilang.2. The two day seminar is being attended by some 45,000 employees of public and private sectors. <p>Kaedah penterjemahan yang manakah yang paling mudah untuk digunakan bagi menterjemahkan dua ayat di atas?</p>
	<p>Baca surat khabar berbahasa Inggeris. Pilih satu artikel pendek dan buat terjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.</p>

Rujukan

Abdul Hamid Mahmood et. Al (2001) Teori dan Kaedah Penterjemahan dalam Latihan Perguruan. Dlm Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-8, 3-5 September 2001, City Bayview, Langkawi

Ab.Rahman Ab. Rashid & Yap Kim Fatt. 1998. *Bahasa Melayu Komunikasi*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Asmah Haji Omar. 1979. Aspek Penterjemahan dan Interpretasi. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya.

A.Aziz Deraman (1974) *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.

Jawatankuasa Tetap bahasa Melayu (JKTBM). 1975. Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff (1987) *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Zulkifley bin Hamid .(2001) Terjemahan dalam Era Globalisasi: Suatu Tegangan Binari. Dlm. Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-8, 3-5 September 2001, City Bayview. Langkawi.

Sinopsis

Menerusi tajuk ini para pelajar akan diberikan pengetahuan mengenai teknik menterjemah secara terus, structural dan juga secara global. Pendefinisian dan teknik penterjemahan tersebut akan dihurai dan dibincangkan secara terperinci dengan bimbingan guru. Selain itu beberapa pendekatan menerusi kaedah autentik akan turut didedahkan kepada pelajar melalui terjemahan dalam bidang pendidikan, alam sekitar, bahasa, agama, dan pendidikan jasmani. Pelajar juga akan menjalankan aktiviti menterjemah bidang-bidang sains dan matematik serta teknologi maklumat dan komunikasi menerusi tajuk ini.

15.0 Pengenalan

Menterjemah ialah aktiviti menggantikan bahan teks dalam bahasa sumber dengan bahan teks dalam bahasa sasaran. Dalam aktiviti menterjemah, penterjemah menyalin semula maklumat dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran dari segi persamaan makna dan gaya.

15.1 Teknik-teknik menterjemah

Terdapat tiga teknik menterjemah iaitu secara terus, secara struktural dan secara global.

15.1.1 Teknik terus

Terjemahan terus/langsung bermaksud pendekatan yang sedaya mungkin setia pada teks sumber dari segi makna, nahu (sintaksis dan morfologi), gaya serta kesan terhadap pembaca asal. Kaedah terjemahan ini meminta penterjemah supaya mencari kesempurnaan dan kemiripan teks asal sebaik mungkin. Pendekatan ini sangat sesuai untuk teks wacana sastera, perundangan dan agama.

Abdullah Hasan (2000) mengatakan bagi penterjemahan lama, mereka sangat mengutamakan bentuk teks asal. Cara ini menyebabkan banyak kesilapan berlaku pada terjemahan yang mereka hasilkan. Terjemahan langsung dapat dibantu oleh petunjuk komunikasi (notion of communication clue) yang bermaksud potensi untuk menyampaikan interpretasi yang

dikehendaki oleh bahasa daripada sumber berasaskan persekitaran kognitif asal.

Antara ciri-ciri terjemahan langsung adalah seperti berikut :

- e. Penterjemah harus bebas daripada konteks pendengar sasaran tetapi mereka mesti bergantung kepada konteks bahasa sumber.
- f. Pendengar sasaran mesti membiasakan diri dengan konteks bahasa sumber.
- g. Andaian yang disampaikan mestilah bersifat interpretif yang mempunyai kemiripan maksimum antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.
- h. Penterjemah menumpukan perhatian kepada bentuk teks yang diterjemahkan dan mengekalkan unsur-unsur stilistik seperti rima, rentak, permainan kata karya bahasa supaya menyerupai teks asal.

Pendekatan yang dinyatakan di atas dapat dibahagikan kepada dua kelompok iaitu semantik dan formal.

Contoh teks asal :

My brothers and my sisters: I am sure that the most persistent and restless desire of my life is to be fully human dan fully alive.

Terjemahan :

Abang-abang dan kakak-kakakku: Saya percaya bahawa hajatku yang paling utama dan meresahkan ialah untuk menjadi manusia yang sepenuhnya dan hidup sepenuhnya.

15.1.2 Teknik struktural

Terjemahan struktural dilakukan dengan teks asal dalam bahasa sumber dipisahkan atau dipecahkan kepada ayat-ayat dan frasa dan terjemahan dilakukan ke atas pecahan ayat-ayat itu. Teknik terjemahan

ini memberikan keutamaan kepada bahasa sumber dengan mengekalkan bentuk ayat, struktur ayat, golongan kata, kelas kata dan tanda baca bahasa sumber tersebut. Menerusi teknik ini, perkataan-perkataan bahasa sumber yang diterjemahkan mestilah serupa dengan perkataan-perkataan yang terdapat dalam bahasa sasaran (tidak boleh diterjemahkan secara sepadan).

Contoh : Peribahasa “*Until cows come home*” diterjemahkan sebagai “Sehingga lembu-lembu datang pulang”, bukan dipadankan dengan peribahasa Melayu “Menanti kucing bertanduk”.

Contoh teks asal:

Industrialized countries lead the way in collection and preservation of cultural treasures that belong to the developing world.

Terjemahan :

Negara-negara industry mendahului jalan dalam mengumpul dan memelihara harta kebudayaan itu kepunyaan kepada dunia membangun.

15.1.3 Secara global

Teknik terjemahan global dilakukan dengan menterjemah keseluruhan teks iaitu dengan mengambilkira pemahaman pembaca. Menerusi teknik ini, penterjemah diberikan kebebasan untuk menyesuaikan perkataan bahasa sumber dengan perkataan dalam bahasa sasaran. Selain itu penterjemah juga boleh menyesuaikan unsur-unsur bahasa dan budaya dalam bahasa sumber termasuk tanda baca dengan unsur-unsur bahasa dan budaya bahasa sasaran. Namun demikian, makna atau maksud asal petikan atau teks masih kekal dan terpelihara.

Contoh teks asal :

Malaysia has good relation with many countries, in the past emphasis has been greater on Commonwealth and other capitalistic countries.

Terjemahan:

Malaysia mempunyai hubungan baik dengan banyak negara. Pada masa lalu, tumpuan lebih banyak diberikan kepada negara-negara Komanwel dan Negara-negara kapitalis.

Terjemahan bahan autentik

15.2.1 Pendidikan alam sekitar

Istilah-istilah alam sekitar yang diterjemahkan

1. Biosfera – zon bermula dari kerak bumi hingga ke lapisan terbawah atmosfera yang terdapat hidupan semulajadi.
2. Kitar karbon – proses kitaran unsur karbon melalui ekosistem
3. Pembangunan lestari – sumber yang seimbang, sumber dalam keadaan baik sebelum dan selepas digunakan, memelihara alam semula jadi.

15.2.2 Bahasa dan agama

Penterjemahan kata.

Contoh:

- a. Akhlaq – Tingkah Laku
- b. Aqidah – Pegangan
- c. Menterjemah Ayat

Contoh:

'Buah iman adalah amal soleh'

- Amalan kebaikan adalah hasil dari keyakinan kepada Allah.

Terjemahan daripada tulisan

Contoh :

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ

- Makna : terbina Islam di atas lima
- Terjemah: islam itu terbina di atas lima perkara

Penterjemahan Ayat Al Quran Surah:

Contoh : **Surah 1 Al-Fatihah (7 ayat)** الفاتحة

- 1) Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
- 2) Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.
- 3) Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
- 4) Yang menguasai di Hari Pembalasan مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ
- 5) Hanya Engkaulah yang kami sembah, dan hanya kepada Engkaulah kami meminta pertolongan. إِلَيْكَ نَعْبُدُ وَإِلَيْكَ نَسْتَعِينُ
- 6) Tunjukilah kami jalan yang lurus, اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ,
- 7 (yaitu) Jalan orang-orang yang telah Engkau beri ni'mat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat. صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ.

15.2.3 Pendidikan jasmani

Contoh ayat: Guru-guru mestilah memenuhi objektif psikomotor , kognitif dan afektif .		
Psikomotor: gerakbalas fizikal, pengawalan dan penyelasan sistem otot saraf	Kognitif: Pemikiran dan kefahaman	Afektif: Perasaan dan nilai-nilai murni serta pengajaran.



15.3 Aktiviti terjemahan

15.3.1 Bidang sains dan matematik

Terjemahan kata

Contoh:

biokimia – kimia makhluk hidup

vertebrata – bertulang belakang

Terjemahan Ayat

Contoh: reptilia ialah haiwan berdarah sejuk

- Reptilia (bernafas melalui peparu) ialah haiwan yang suhu badannya berubah mengikut keadaan persekitaran.

15.3.2 Bidang teknologi maklumat dan komunikasi

Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menempuh beberapa zaman yang mencabar dengan kedatangan unsur asing ke alam Melayu misalnya kedatangan Portugis, Belanda dan Inggeris. Evolusi bahasa Melayu turut berlaku secara perlahan-lahan. Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah mencorakkan bentuk masyarakat, struktur ekonominya dan persaingan sengit dalam pasaran antarabangsa. Kewujudan bahasa amat penting dalam konteks ini kerana bahasa merupakan sumber komunikasi yang penting. Bahasa Melayu perlu kukuh dan mantap untuk membolehkannya memperkatakan apa sahaja bidang yang begitu cepat muncul dan berkembang dalam kehidupan manusia.

Kelahiran K-Ekonomi pula telah membawa perubahan besar kepada semua bentuk perlakuan dan pemikiran manusia. Penggunaan bahasa Melayu dalam internet juga perlu dipertingkatkan agar seiring dengan penggunaan bahasa-bahasa utama lain di dunia. Penggunaan bahasa Melayu dalam ruang siber ini menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara khususnya ruang sembang siber yang memperlihatkan unsur bahasa yang unik dan tersendiri yakni bahasa Melayu internet. Muncul perkataan seperti kang (nanti), a'kum (assalamualaikum), tipon (telefon), persal (mengapa), nko(engkau) dan lain-lain. Fenomena ini merupakan unsur perubahan yang dikhuatiri akan mencemarkan nilai-nilai asli dalam bahasa Melayu.

Istilah TMK & Komunikasi

- *audioconferencing* = *sidang audio*
- *autosave* = *autosimpan*
- *broadcast* = *siaran; siar*
- *client – server* = *pelanggan-pelayan*
- *connection-oriented network* = *rangkaian berorientasikan sambungan*

- *data scrambler*= pengarau data
- *digital camera* = kamera digital
- *digital certificate*= sijil digital
- *digital purse* = dompet digital
- *digital signature*= tandatangan digital
- *digital versatile disc* = cakera serba boleh digital
- *superuser* = superpengguna
- *tacit knowledge*= pengetahuan tasit
- *tangible knowledge* = pengetahuan nyata
- *telecommuting/teleworking* = telekerja
- *telepresence* = telehadir
- *telerobotics* = telerobotik
- *touch tone* =nada sentuh
- *unicast* = unisiar
- *versatile compact disc*= cakera padat serba boleh
- *video compact disc* = cakera padat video
- *Videoconferencing* = sidang video
- *Wide Area Network (WAN)*= Rangkaian Kawasan Luas (WAN)
- *digital video disc* = cakera video digital
- *end user*= pengguna akhir
- *enterprise network* = rangkaian seperusahaan
- *extranet* = ekstranet
- *file server* = pelayan fail
- *home computer* = komputer rumah
- *home user* = pengguna rumah
- *hybrid network*= rangkaian hibrid
- *intangible knowledge*= pengetahuan tak nyata
- *intelligent network* = rangkaian cerdas

BIBLIOGRAFI

- Amat Juhari Moain. 2010. *Penggubalan Istilah Ilmiah dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2010. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2006. *Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua 2006.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1992. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad.1994. *Perkamusan Melayu Suatu Perkenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua 2002.
- Ismail Hussein. 1996. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Ketiga 1984.
- Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood.1993. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka> Edisi Ketiga 2010.
- Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam. 1984. *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Raja Mukhtaruddin, Raja Mohd Dain.1982. *Pembinaan Bahasa Melayu Perancangan Bahasa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua 1992.

**PANEL PENGUBALAN MODUL
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH
(BAHASA MELAYU PENDIDIKAN RENDAH)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>PN. JAIMAH BINTI ABDUL MANAF Pensyarah, IPGM Kampus Perempuan Melayu Melaka</p>	<p>Kelulusan: MA Pengurusan Uni. Putra Serdang B.Litt.Hons.(Linguistik/Sastera) Uni. Andalas Sumatra Barat Indonesia Diploma Pendidikan – IPG K Perempuan Melayu, Melaka.</p> <p>Pengalaman: Pensyarah Pengajian Melayu (15 tahun) Guru Sekolah Menengah (6 tahun)</p>
<p>EN.RAMLY BIN ABU Pensyarah, Jabatan Pengajian Melayu, IPGM Kampus Perempuan Melayu Melaka</p>	

IKON



Rehat



Perbincangan



Bahan Bacaan



Buku Rujukan



Latihan



Membuat Nota



Senarai Semakan



Layari Internet



Panduan Pengguna



Mengumpul Maklumat



Tutorial



Memikir



Tamat